



KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA

PELAN PEMERKASAAN KEPIMPINAN



KOMUNITI RUKUN TETANGGA 2021 - 2030



Hak cipta/Copyright© Kementerian Perpaduan Negara

Hak Cipta Terpelihara

Semua hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Kementerian Perpaduan Negara.

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Aras 5 – 10, Blok F9, Kompleks F,
Lebuh Perdana Timur, Presint 1,
62000 Wilayah Persekutuan Putrajaya



KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA

PELAN PEMERKASAAN KEPIMPINAN



**KOMUNITI
RUKUN TETANGGA
2021-2030**

KANDUNGAN

PRAKATA

4-7

RINGKASAN EKSEKUTIF

PELAN PEMERKASAAN KEPIMPINAN KOMUNITI RUKUN TETANGGA 2021-2030

10

BAHAGIAN 1 : LATAR BELAKANG RUKUN TETANGGA

1.0	Penubuhan Awal Rukun Tetangga	14
1.1	Sejarah Rukun Tetangga	15
1.2	Perubahan Konsep Rukun Tetangga	18
1.3	Perubahan Logo Rukun Tetangga	19
1.4	Akta Rukun Tetangga 2012 (Akta 751)	20
1.5	Fungsi Dan Tugas Rukun Tetangga	21

BAHAGIAN 2 : PELAN PEMERKASAAN KEPIMPINAN KOMUNITI RUKUN TETANGGA 2021-2030

2.0	Pelan Pemerksaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030	24
2.1	Objektif Pelan Pemerksaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030	26
2.2	5 Teras Pelan Pemerksaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030	27
2.3	Peta Teras Pelan Pemerksaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030	30
2.4	Inisiatif Pelan Pemerksaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030	32

BAHAGIAN 3 : TERAS DAN STRATEGI

3.0	TERAS 1 : MEMPERKUKUH KEPIMPINAN KOMUNITI RUKUN TETANGGA SEBAGAI PEMANGKIN PERPADUAN	37
Strategi 1 :	Meningkatkan Kualiti Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga	40
Strategi 2 :	Meningkatkan Penglibatan Golongan Muda Sebagai Pemimpin Pelapis Rukun Tetangga	45



3.1 TERAS 2 : MEMPERKASAKAN KHIDMAT KOMUNITI SEBAGAI TAPAK INTEGRASI NASIONAL	51
Strategi 1 : Mempertingkatkan Program Perpaduan Dan Integrasi Nasional Dalam Komuniti	55
Strategi 2 : Memperkisasakan Peranan Rukun Tetangga Sebagai <i>Bridge Builder</i> Atau Sumber Rujukan Sosial	60
Strategi 3 : Memperkisasakan Jaringan Kerjasama Dengan Rakan Strategik Dan Komuniti	62
3.2 TERAS 3 : MENINGKATKAN KESELAMATAN DAN KEHARMONIAN KOMUNITI MENERUSI AKTIVITI KESUKARELAWANAN	67
Strategi 1 : Meningkatkan Keselamatan Komuniti	70
Strategi 2 : Memelihara Keharmonian Antara Kaum, Agama Dan Budaya Dalam Kawasan Kejiranan	73
Strategi 3 : Membudayakan Kesukarelawanan Dalam Kalangan Komuniti	77
3.3 TERAS 4 : MEMANTAPKAN PERANAN KAWASAN RUKUN TETANGGA DALAM MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN KOMUNITI	81
Strategi 1 : Memperkisasakan Ekonomi Komuniti Rukun Tetangga	84
Strategi 2 : Meningkatkan Kualiti Hidup Komuniti	88
Strategi 3 : Memperkuuhkan Peranan Kawasan Rukun Tetangga Dalam Menangani Masalah Sosial	90
Strategi 4 : Meningkatkan Kemahiran Dalam Khidmat Mediasi	92
3.4 TERAS 5 : MEMPERKASAKAN KELOMPOK KOMUNITI	97
Strategi 1 : Memperluaskan Penubuhan Kelompok Komuniti Dalam Kawasan Kejiranan	100
Strategi 2 : Menambahbaik Program dan Aktiviti Kelompok Komuniti	102
PENUTUP	110
LAGU RUKUN TETANGGA	111
GLOSARI	114





PERUTUSAN YANG AMAT BERHORMAT PERDANA MENTERI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan

Negara kita telah menyingkap pelbagai sejarah di mana banyak pengorbanan dan perjuangan telah kita lalui dalam mempertahankan kemakmuran negara yang kita kecapi pada hari ini. Melalui penghayatan sejarah tanah air, kita sama-sama perkukuhkan perpaduan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

Kerajaan sentiasa berusaha untuk memelihara dan merekaya perpaduan di peringkat komuniti sebagai suatu pelonjak kepada pembangunan dan pembinaan negara Malaysia yang lebih cemerlang dan harmoni. Kita tidak mahu negara kita ini dibelenggu dengan perkara yang boleh memecahbelahkan rakyat dan mencetus ketidakharmonian sesama kita. Dalam hubungan ini, Rukun Tetangga memainkan peranan yang amat penting di peringkat komuniti khususnya di kala negara berdepan dengan pelbagai cabaran.

Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Perpaduan Negara kerana berjaya menghasilkan sebuah **Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030** yang komprehensif dan dinamik. Pelan ini akan menjadi pemacu dalam usaha memperkasa kepimpinan komuniti untuk memberi khidmat yang berkesan dan cemerlang kepada rakyat di peringkat akar umbi. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk terus memperkuuhkan iltizam bagi memastikan negara kita sentiasa aman dan makmur, didasari dengan semangat muhibah dan penyatuan yang jitu antara seluruh rakyat.

TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN



KATA ALU-ALUAN MENTERI PERPADUAN NEGARA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan



Kementerian Perpaduan Negara (KPN) melalui agensinya, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) memainkan peranan yang penting sebagai agensi penggerak untuk meningkatkan perpaduan dan kesejahteraan rakyat. Selari dengan aspirasi Dasar Perpaduan Negara dan juga Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021 – 2030 KPN, **Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030** ini dibangunkan untuk dijadikan sebagai dokumen rujukan utama yang menetapkan hala tuju Kawasan Rukun Tetangga dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Pelan Pemerkasaan ini yang merangkumi lima (5) teras menekankan kepada aspek-aspek pemerkasaan dari segi kepimpinan, khidmat komuniti, kesukarelawanan, keselamatan, keharmonian, kesejahteraan dan pengukuhan kelompok komuniti ke arah meningkatkan keberkesanan dan kecemerlangan Kawasan Rukun Tetangga. Seterusnya, bersama jentera-jentera di bawahnya, Pelan Pemerkasaan ini akan diterjemahkan melalui pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang berimpak tinggi berdasarkan empat (4) Agenda Kerja Komuniti Kawasan Rukun Tetangga yang akan menyumbang kepada pengukuhan kesejahteraan, keselamatan dan perpaduan masyarakat.

Adalah diharapkan Pelan Pemerkasaan ini dapat memberi panduan yang jelas dan terperinci kepada Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga untuk memperkasa jentera-jentera perpaduan serta mengupayakan komuniti di peringkat akar umbi. Marilah kita bersama-sama mendokong inisiatif ini seiring dengan usaha membentuk Malaysia yang bersatu padu dan sejahtera, selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE".

DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE



PRAKATA TIMBALAN MENTERI PERPADUAN NEGARA

Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan

Rukun Tetangga adalah merupakan organisasi sukarela yang ditubuhkan oleh Kerajaan pada tahun 1975 bertujuan untuk memastikan keselamatan negara pada masa itu. Setelah 45 tahun penubuhannya, Rukun Tetangga kini berperanan sebagai tonggak perpaduan serta jentera barisan hadapan di peringkat komuniti. Melalui Rukun Tetangga, masyarakat berbilang kaum di dalam komuniti dapat terus berinteraksi dengan harmoni, aman dan sejahtera.

Inisiatif Kementerian Perpaduan Negara merangka **Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030** adalah merupakan langkah yang tepat pada waktunya bagi memperkasakan tanggungjawab komuniti berdepan dengan cabaran-cabaran semasa. Semoga melalui pelan yang telah dirangka ini, Rukun Tetangga dapat memainkan peranannya secara lebih berkesan kepada komuniti demi untuk kemakmuran dan kesejahteraan negara.


SENATOR DATO' SRI TI LIAN KER



PRAKATA

KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan

Rukun Tetangga adalah merupakan satu wadah penyatuan masyarakat pelbagai kaum yang diwujudkan oleh Kerajaan pada tahun 1975. Kewujudannya yang bermula dengan matlamat untuk memastikan keamanan dan keselamatan dalam kawasan kediaman, kini telah diperluaskan selari dengan perubahan dan cabaran semasa. Oleh itu, sebagai sebuah organisasi sukarela yang berjaya di negara ini, Rukun Tetangga perlu sentiasa bersedia untuk berubah bagi memastikannya dapat memberi perkhidmatan yang berkualiti dan cemerlang kepada komuniti.

Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030 ini merupakan inisiatif Kementerian Perpaduan Negara untuk memperkasa kepimpinan komuniti melalui teras, strategi dan program-program yang lebih berstruktur dan berfokus. Strategi-strategi yang disusun adalah selari dengan strategi dan aspirasi yang digariskan di bawah Dasar Perpaduan Negara dan Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030.

Justeru, adalah diharapkan agar Rukun Tetangga di semua peringkat dapat memainkan peranan yang lebih aktif dan berkesan untuk memastikan Pelan Pemerkasaan ini dapat diterjemahkan secara efektif di peringkat akar umbi. Dengan komitmen dan kesungguhan semua pihak, maka aspirasi untuk membina komuniti sejahtera, selamat dan bersatu padu dapat direalisasikan bersama.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "WAN SURAYA".

DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MD RADZI



**PELAN PEMERKASAAN
KEPIMPINAN KOMUNITI
RUKUN TETANGGA
2021-2030**

**RINGKASAN
EKSEKUTIF**



RINGKASAN EKSEKUTIF

Kawasan Rukun Tetangga diiktiraf sebagai salah satu jentera perpaduan yang menyumbang kepada keselamatan, keharmonian dan kesejahteraan komuniti setempat yang menjadi tonggak dan penggerak kepada inisiatif membangun dan menyatupadukan komuniti di Malaysia khususnya di peringkat akar umbi. Justeru, bagi mendepani pelbagai cabaran yang dihadapi oleh masyarakat masa kini, maka satu anjakan baharu diperlukan bagi memantapkan kepimpinan dan pengendalian Kawasan Rukun Tetangga.

Pelan Pemerksaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030 merupakan inisiatif Kementerian Perpaduan Negara untuk memperkasa dan memperkuuhkan lagi peranan Rukun Tetangga sebagai sebuah organisasi sukarela dalam komuniti.

Pelan pemerksaan ini telah dirangka dengan hala tuju yang jelas merangkumi strategi dan program yang boleh dilaksanakan bagi memacu keberkesanan agenda perpaduan dalam komuniti.

Pelan Pemerksaan ini menggariskan lima (5) teras seperti berikut:

- a) memperkuuhkan kepimpinan Rukun Tetangga sebagai pemangkin perpaduan;
- b) memperkasakan khidmat komuniti sebagai tapak integrasi nasional;
- c) meningkatkan keselamatan dan keharmonian komuniti menerusi aktiviti kesukarelawan;
- d) memantapkan peranan Rukun Tetangga dalam meningkatkan kesejahteraan komuniti; dan
- e) memperkasakan kelompok komuniti.

Lima (5) teras ini adalah selari dengan dokumen dasar utama iaitu Dasar Perpaduan Negara dan juga Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021–2030 yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 15 Februari 2021.

Sebanyak 14 strategi telah dirangka bagi merealisasikan hasrat Kerajaan untuk menjadikan Rukun Tetangga sebagai entiti yang penting dan inklusif serta berupaya menyampaikan perkhidmatan yang cemerlang kepada komuniti sekaligus menyumbang kepada kesejahteraan, keharmonian dan kemakmuran negara.

Strategi yang terkandung dalam Pelan Pemerksaan ini turut melibatkan kerjasama bersepadu bersama Rakan

Strategik Perpaduan seperti agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), korporat, swasta, institusi pendidikan dan masyarakat secara keseluruhannya.

Bagi menterjemahkan pelaksanaan Pelan Pemerksaan ini, Kementerian Perpaduan Negara telah menyediakan Agenda Kerja Komuniti Rukun Tetangga yang mengandungi empat (4) Gerak Kerja iaitu **KRT Sejahtera, KRT Selamat, KRT Bersih dan Indah dan KRT Sihat**.

Gerak Kerja KRT ini merangkumi semua aspek kehidupan ke arah meningkatkan kesejahteraan, keselamatan dan keharmonian masyarakat.

Memfokuskan kepada kesejahteraan dan peningkatan kualiti hidup

KRT SEJAHTERA



Menjadikan tanggungjawab menjaga keselamatan secara inklusif bersama komuniti

KRT SELAMAT



KRT BERSIH DAN INDAH



Memfokuskan kepada amalan penjagaan kebersihan dan keindahan kawasan komuniti



KRT SIHAT

Memfokuskan kepada program amalan gaya hidup sihat



BAHAGIAN 1

LATAR BELAKANG RUKUN TETANGGA

PENUBUHAN AWAL RUKUN TETANGGA



Pelancaran sektor pertama Rukun Tetangga di Kasipillay menjadi titik tolak kepada pembentukan sektor di seluruh negara (29 Ogos 1975).

Perdana Menteri ketika itu, Tun Abdul Razak menegaskan "... Sesuai dengan semangat berdikari atau *self-reliance* semestinya rakyat memainkan peranan cergas dan sedia berkorban nyawa, harta benda, jiwa raga demi mempertahankan maruah dan kepentingan negara..."

(Arkib Negara Malaysia, 1981)

The RT scheme that we are going to launch very soon is a good opportunity whereby each and every one will be given a chance to serve and participate directly in our efforts to maintain security and peace in the place where they reside. In this way we will be able to reduce the burden that is shouldered by the security forces and enable them to focus all their attention on wiping out communists elements which are still existing in the borders.

Petikan Ucapan Tun Abdul Razak
Pada 21 Jun 1975

SEJARAH RUKUN TETANGGA



Skim Rukun Tetangga telah diperkenalkan pada tahun 1975 berikutan dengan berkuatkuasanya Peraturan-Peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975 di bawah Ordinan Darurat 1969. Skim ini telah dilancarkan oleh Tun Abdul Razak, Perdana Menteri pada 29 Ogos 1975 dalam Sektor Rukun Tetangga Kampung Kasipillay, Kuala Lumpur.

Pada peringkat awalnya, Skim Rukun Tetangga ini berfungsi bagi mengawal keselamatan kawasan kediaman. Skim ini merupakan suatu langkah yang membolehkan rakyat sendiri mengawal dan menjaga keselamatan kawasan kediaman mereka berikutan dengan beberapa kejadian yang mengancam keselamatan negara pada waktu itu. Dengan itu, tumpuan telah diberi kepada tugas rondaan yang diwajibkan kepada penduduk yang berumur di antara 18 hingga 55 tahun yang menetap dalam kawasan Sektor Rukun Tetangga.

Mulai 1 Januari 1983, kerajaan telah menyusun semula Skim Rukun Tetangga berkonsepkan semangat kejiranan untuk memperkuatkkan perpaduan di kalangan komuniti setempat. Pelaksanaan skim ini dibuat mengikut 3 kategori iaitu Kawasan Rukun Tetangga, Sektor Pendaftaran, Sektor Keselamatan dan undang-undang berkaitan Peraturan-Peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975 telah pun dipinda bagi tujuan tersebut. Skim ini telah diperluaskan ke negeri Sabah 1985 dan ke negeri Sarawak pada tahun 1988.



Pada tahun 2001, Kerajaan telah memperkenalkan konsep pembangunan komuniti kepada Rukun Tetangga. Konsep ini bertujuan memperkasakan komuniti untuk berhadapan dengan cabaran dan perubahan gaya hidup semasa.

Seiring dengan perubahan semasa, Model Transformasi Rukun Tetangga telah diperkenalkan pada tahun 2010. Model ini berpaksikan kepada lima (5) teras utama iaitu perpaduan, ekonomi, keselamatan, pendidikan dan kualiti hidup melalui pelaksanaan program dan aktiviti Rukun Tetangga.

Berdasarkan keperluan semasa, Ordinan Darurat telah dimansuhkan pada tahun 2011. Satu undang-undang telah digubal dan dinamakan Akta Rukun Tetangga 2012 (Akta 751) berkuatkuasa pada 22 Jun 2012. Akta ini memperuntukkan kuasa kepada Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga sebagai peneraju keharmonian, keselamatan dan perkhidmatan kepada komuniti.


Pada 10 Mac 2020, Kementerian Perpaduan Negara telah ditubuhkan dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) diletakkan sebagai salah satu agensi di bawah kementerian ini.

Sebagai sebuah kementerian yang baharu, Kementerian Perpaduan Negara telah membangunkan Dasar Perpaduan Negara dan Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030 yang berteraskan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

Bagi menterjemahkan pelaksanaan kedua-dua dokumen tersebut, maka Pelan Pemerkaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030 dirangka untuk dijadikan sebagai dokumen hala tuju strategik Rukun Tetangga di seluruh Malaysia.



PERUBAHAN KONSEP RUKUN TETANGGA



PERUBAHAN LOGO RUKUN TETANGGA

Rukun Tetangga ke arah pelaksanaan rondaan wajib



1975 - 1982

Rukun Tetangga ke arah kerjasama dan semangat dalam kejiranian dalam membentuk perpaduan

1983 - 1997



Rukun Tetangga ke arah memantapkan semangat kejiranian dan perpaduan dalam kalangan rakyat



1997 - 2005


Rukun Tetangga ke arah pembangunan komuniti

2005 - Kini



AKTA RUKUN TETANGGA 2012 (AKTA 751)

Berikutan pemansuhan Ordinan Darurat pada tahun 2011, maka Akta Rukun Tetangga 2012 (Akta 751) telah digubal dan dikuatkuasakan mulai 22 Jun 2012. Akta ini menetapkan fungsi Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga sebagai peneraju keselamatan, kesejahteraan dan keharmonian dalam komuniti.



FUNGSI DAN TUGAS RUKUN TETANGGA

Di bawah Seksyen 8 Akta Rukun Tetangga 2012 (Akta 751), fungsi dan tugas Rukun Tetangga adalah seperti berikut:

(a)

Menjalankan apa-apa aktiviti bagi meningkatkan dan mengukuhkan semangat kejiranian, perpaduan, muhibah, keharmonian, keselesaan, keamanan, kerjasama, keselamatan, kebajikan, kesihatan, kesejahteraan ekonomi dan kualiti hidup di kalangan anggota masyarakat.

(b)

Menerima maklumat mengenai, untuk memerhati dan menyiasat, semua isu mengenai konflik masyarakat di dalam kawasan dan melaporkan maklumat, pemerhatian dan penyiasatan itu kepada Pengarah.

(c)

Mengambil apa-apa langkah yang perlu atau wajar untuk membolehkan pemastautin melindungi diri mereka terhadap apa-apa aktiviti jenayah atau bencana.

(d)

Menyediakan pengantaraan dalam masyarakat bagi maksud pendamaian atau selainnya menyelesaikan apa-apa pertikaian atau perselisihan di kalangan anggota masyarakat.

(e)

Menjalankan apa-apa fungsi atau tugas lain yang diarahkan oleh Ketua Pengarah dari semasa ke semasa.



BAHAGIAN 2

**PELAN
PEMERKASAAN
KEPIMPINAN
KOMUNITI
RUKUN TETANGGA
2021-2030**

PELAN PEMERKASAAN KEPIMPINAN KOMUNITI RUKUN TETANGGA 2021-2030



Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021- 2030 dirangka untuk mempertingkat dan memperkuuhkan fungsi dan peranan Rukun Tetangga sebagai peneraju keharmonian, keselamatan dan perkhidmatan kepada komuniti seperti yang termaktub di dalam Akta Rukun Tetangga 2012 (Akta 751).

Inisiatif pemerkasaan ini memberi penekanan kepada pemantapan kepimpinan komuniti Rukun Tetangga dan pengukuhan program dan aktiviti Rukun Tetangga untuk meningkatkan keberkesaan dan kecemerlangan penyampaian perkhidmatan Rukun Tetangga kepada komuniti berlandaskan konsep “Daripada Komuniti Kepada Komuniti”.

Pelan pemerksaan ini dibangunkan berteraskan kepada **Dasar Perpaduan Negara, Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030** yang menjadi sumber rujukan kepada kepimpinan komuniti Rukun Tetangga dalam menguruskan organisasi dan komuniti masing-masing. Melalui lima (5) teras yang telah dirangka, kepimpinan Rukun Tetangga berupaya memahami dan melaksanakan anjakan bagi mencapai kualiti perkhidmatan yang terbaik.

Pelan Pemerksaan ini memfokuskan kepada lima (5) teras utama iaitu kepimpinan Rukun Tetangga, peranan Rukun Tetangga sebagai tapak integrasi

nasional, kesukarelawanan, kesejahteraan komuniti dan pemerksaan kelompok komuniti.

Kelima-lima teras ini bertujuan untuk mencapai tiga (3) objektif berikut:

1. Memperkuatkan peranan dan tanggungjawab kepimpinan komuniti Rukun Tetangga.
2. Memantapkan program perpaduan dan kesejahteraan komuniti Rukun Tetangga.
3. Meningkatkan penglibatan aktif komuniti dalam aktiviti kesukarelawanan Rukun Tetangga.



OBJEKTIF

PELAN PEMERKASAAN KEPIMPINAN KOMUNITI RUKUN TETANGGA 2021-2030

1

Memperkuatkan peranan dan tanggungjawab kepimpinan komuniti Rukun Tetangga.

2

Memantapkan program perpaduan dan kesejahteraan komuniti Rukun Tetangga.

3

Meningkatkan penglibatan aktif komuniti dalam aktiviti kesukarelawanan Rukun Tetangga.

5 TERAS PELAN PEMERKASAAN KEPIMPINAN KOMUNITI RUKUN TETANGGA 2021-2030

TERAS 1 MEMPERKUKUHKAN KEPIMPINAN KOMUNITI RUKUN TETANGGA SEBAGAI PEMANGKIN PERPADUAN

TERAS 2 MEMPERKASAKAN KHIDMAT KOMUNITI SEBAGAI TAPAK INTEGRASI NASIONAL

TERAS 3 MENINGKATKAN KESELAMATAN DAN KEHARMONIAN KOMUNITI MENERUSI AKTIVITI KESUKARELAWANAN

TERAS 4 MEMANTAPKAN PERANAN KAWASAN RUKUN TETANGGA DALAM MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN KOMUNITI

TERAS 5 MEMPERKASAKAN KELOMPOK KOMUNITI





PETA TERAS PELAN PEMERKASAAN KEPIMPINAN KOMUNITI RUKUN TETANGGA 2021-2030

TERAS 1	TERAS 2	TERAS 3
<p>MEMPERKUKUHKAN KEPIMPINAN KOMUNITI RUKUN TETANGGA SEBAGAI PEMANGKIN PERPADUAN</p>	<p>MEMPERKASAKAN KHIDMAT KOMUNITI SEBAGAI TAPAK INTEGRASI NASIONAL</p>	<p>MENINGKATKAN KESELAMATAN DAN KEHARMONIAN KOMUNITI MENERUSI AKTIVITI KESUKARELAWANAN</p>
<p>STRATEGI 1: Meningkatkan kualiti kepimpinan komuniti Rukun Tetangga</p>	<p>STRATEGI 1 : Meningkatkan program perpaduan dan integrasi nasional dalam komuniti</p>	<p>STRATEGI 1: Meningkatkan keselamatan komuniti</p>
<p>STRATEGI 2: Meningkatkan penglibatan golongan muda sebagai pemimpin pelapis Rukun Tetangga</p>	<p>STRATEGI 2: Memperkasakan peranan Rukun Tetangga sebagai <i>bridge builder</i> atau sumber rujukan sosial</p>	<p>STRATEGI 2: Memelihara keharmonian antara kaum, agama dan budaya dalam kawasan kejiranan</p>
	<p>STRATEGI 3: Memperkasakan jaringan kerjasama dengan rakan strategik dan komuniti</p>	<p>STRATEGI 3: Membudayakan kesukarelawanan dalam kalangan komuniti</p>

TERAS 4

**MEMANTAPKAN PERANAN
KAWASAN RUKUN TETANGGA
DALAM MENINGKATKAN
KESEJAHTERAAN KOMUNITI**

STRATEGI 1:

Memperkasakan ekonomi komuniti Rukun Tetangga

STRATEGI 2:

Meningkatkan kualiti hidup komuniti

STRATEGI 3:

Memperkuuhkan peranan Rukun Tetangga dalam menangani masalah sosial

STRATEGI 4:

Meningkatkan kemahiran khidmat mediasi

TERAS 5

**MEMPERKASAKAN
KELOMPOK KOMUNITI**

STRATEGI 1:

Memperluaskan penubuhan kelompok komuniti dalam kawasan kejiranan

STRATEGI 2:

Menambahbaik program dan aktiviti kelompok komuniti

INISIATIF PELAN PEMERKASAAN KEPIMPINAN KOMUNITI rukun tetangga 2021-2030







BAHAGIAN 3

TERAS DAN STRATEGI



1

TERAS

**MEMPERKUKUHKAN
KEPIMPINAN KOMUNITI
RUKUN TETANGGA SEBAGAI
PEMANGKIN PERPADUAN**

1
TERAS

MEMPERKUKUHKAN KEPIMPINAN KOMUNITI RUKUN TETANGGA SEBAGAI PEMANGKIN PERPADUAN

STRATEGI 1

Meningkatkan kualiti kepimpinan
komuniti Rukun Tetangga

STRATEGI 2

Meningkatkan penglibatan golongan muda
sebagai pemimpin pelapis Rukun Tetangga

1 TERAS

MEMPERKUKUH KEPIMPINAN KOMUNITI RUKUN TETANGGA SEBAGAI PEMANGKIN PERPADUAN

Teras pertama dalam pelan pemerksaan ini mengandungi dua (2) strategi iaitu untuk meningkatkan kualiti kepimpinan Rukun Tetangga dan meningkatkan penglibatan golongan muda sebagai pemimpin pelapis Rukun Tetangga. Aspek kepimpinan menjadi fokus utama dalam pelan ini kerana kepimpinan yang cemerlang akan menghasilkan kecekapan tadbir urus dan keberkesanan peranan Rukun Tetangga.

Pemimpin Rukun Tetangga bertanggungjawab melaksanakan fungsi dan peranannya sebagaimana yang termaktub dalam Akta Rukun Tetangga 2012. Antara peranan utamanya adalah untuk memastikan keselamatan dan keharmonian kawasan kejiranannya serta menangani pemasalahan sosial.

STRATEGI 1

Meningkatkan Kualiti Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga

Sebagai barisan kepimpinan di peringkat komuniti, Ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga (AJKRT) mempunyai peranan dan tanggungjawab yang besar bagi merealisasikan perancangan Kerajaan dalam menjayakan perpaduan kaum dan memupuk integrasi nasional di Malaysia. Berdasarkan Akta Rukun Tetangga 2012 (Akta 751) – Keanggotaan Jawatankuasa Rukun Tetangga hendaklah tidak melebihi 25 orang termasuk:

1. Pengerusi
2. Timbalan Pengerusi
3. Setiausaha
4. Penolong Setiausaha; dan
5. Bendahari

AJKRT dipilih dalam kalangan penduduk yang menetap di kawasan Rukun Tetangga tersebut melalui mesyuarat yang dilaksanakan secara terbuka. Dalam usaha memastikan penglibatan komuniti secara inklusif, Kementerian Perpaduan Negara menetapkan pelantikan AJKRT berdasarkan kepada kriteria-kriteria berikut:

1. Kepelbagaian kaum dalam komuniti setempat;
2. Sekurang-kurangnya 30% adalah wanita;
3. Sekurang-kurangnya 30% berumur antara 18 tahun hingga 35 tahun; dan
4. Tempoh pelantikan dihadkan kepada tidak lebih daripada tiga (3) penggal berturut-turut (setiap penggal adalah selama dua (2) tahun).

TERAS 1

MEMPERKUKUHKAN KEPIMPINAN KOMUNITI RUKUN TETANGGA SEBAGAI PEMANGKIN PERPADUAN

STRATEGI 1 MENINGKATKAN KUALITI KEPIMPINAN KOMUNITI RUKUN TETANGGA				
Bil	Program	Kumpulan Sasar	Cadangan Rakan Kerjasama	Tempoh Masa
PROGRAM ASAS				
Pengurusan dan Pentadbiran				
1	<p>Kursus Pengurusan dan Pentadbiran Rukun Tetangga:</p> <p>Tahap 1</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Kursus Pengurusan Kewangan b. Kursus Pengurusan Program c. Kursus Komunikasi Efektif <p>Tahap 2</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Kursus Inventori Permasalahan Komuniti (INPEK) 	AJK RT	INTAN PDRM IPT	Jangka pendek dan berterusan (mulai Jun - Disember 2021)
PROGRAM PILIHAN				
Pengurusan dan Pentadbiran				
2	Kepimpinan Lestari	AJK RT	INTAN IPT	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2022)
3	Pengurusan Krisis Dalam Kepimpinan	AJK RT	INTAN MKN PDRM IPT	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2022)
4	Integrasi Sosial Antara Komuniti (INSAN)	Komuniti	IPT ISM KPKT	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2022)
5	Kepimpinan Sihat dan Sejahtera (KiSS)	Komuniti	INTAN KKM IPT	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2022)
6	Program MeG: Mengarusperdanakan Gender (<i>Gender Mainstreaming</i>)	Komuniti	IPT LPPKN	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2022)

PENJELASAN PROGRAM

Program di bawah teras pertama ini diklusterkan sebagai program asas dan program pilihan. Program-program dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai agensi, NGO dan sektor swasta.

1. Kursus Pengurusan dan Pentadbiran Rukun Tetangga

Kursus ini menyasarkan Ahli Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga dengan objektif seperti berikut:

- a. Meningkatkan kebolehan dan kemahiran mentadbir urus organisasi Rukun Tetangga.
- b. Meningkatkan prestasi organisasi.

Kursus ini dilaksanakan dengan memberi pengetahuan dalam mengurustadbir dokumentasi dan pentadbiran dalam komuniti. Kursus ini dibahagikan kepada 2 tahap.

Tahap 1:

- a. Pengurusan Kewangan
- b. Pengurusan Program
- c. Komunikasi Efektif

Tahap 2:

Kursus Inventori Permasalahan Komuniti (INPEK)

Program ini akan melahirkan pemimpin Rukun Tetangga yang berkemahiran dalam mentadbir organisasi dan komuniti dengan cekap dan cemerlang.

2. Kepimpinan Lestari

Program ini menyasarkan Ahli Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga dan objektifnya adalah seperti berikut:

- a. Memperkuuhkan kefahaman dan tanggungjawab sebagai pemimpin Rukun Tetangga.
- b. Meningkatkan kefahaman tentang kepentingan menyediakan data profail penduduk yang lengkap.
- c. Meningkatkan semangat kesukarelawanan yang tinggi (*passion*) sebagai pemimpin Rukun Tetangga.
- d. Meningkatkan semangat kesukarelawanan yang tinggi (*passion*) dalam kalangan golongan muda Rukun Tetangga.

Program ini dilaksanakan secara kelas, taklimat, seminar, kursus, bengkel dan antara kandungan program tersebut ialah:

- a. Kebolehan untuk menjangka keperluan masa depan komuniti (*Foresight Thinking*)
- b. Kepimpinan fleksibel dan tangkas (*Agile Management*).
- c. Pelaksanaan program merentasi kepelbagai kaum dan keperluan mengikut peringkat umur.
- d. Penyediaan data profail penduduk yang lengkap perlu dilaksanakan bagi menghubungkan agensi berkaitan dengan *vulnerable community* yang terdedah dengan permasalahan sosial.
- e. Pelaksanaan program merentasi pelbagai bidang seperti kerohanian, kemahiran rundingan, penerapan integriti, kemahiran komunikasi dan mediasi.
- f. Kemahiran mengendalikan pendigitalan masyarakat-adaptasi terhadap norma baharu masyarakat dalam konteks pendidikan dan ekonomi.
- g. Mengenalpasti kepimpinan muda sebagai pelapis AJK Rukun Tetangga.

Program ini mampu melahirkan pemimpin yang berwawasan, berilmu, mempunyai semangat kesukarelawanan yang tinggi, mempunyai komunikasi berkesan dan diterima oleh semua lapisan masyarakat.

3. Pengurusan Krisis Dalam Kepimpinan

Program ini menyasarkan Ahli Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga dengan objektif seperti berikut:

- a. Meningkatkan kebolehan kepimpinan melalui pendedahan kes-kes krisis dalam komuniti.
- b. Mempunyai kemahiran teknik yang efektif untuk menangani krisis yang timbul dalam komuniti.
- c. Memahami punca krisis dalam komuniti dan cara penyelesaian.

Program ini dilaksanakan melalui kaedah-kaedah seperti berikut:

- a. Pendedahan (*exposure*) kepada kes krisis yang berlaku dalam kalangan AJK RT.
- b. Pendedahan (*exposure*) kepada kes krisis yang berlaku dalam komuniti.
- c. Cara menangani krisis dalam komuniti dengan betul.

Antara kandungan program ini ialah:

- a. Penjelasan mengenai *case study* mengenai krisis yang berlaku dalam AJK RT dan cara menanganinya.
- b. Penjelasan mengenai *case study* mengenai krisis yang berlaku dalam komuniti (kepelbagaian kaum) dan cara menanganinya.

Program ini dapat melahirkan pemimpin Rukun Tetangga yang berkemahiran dalam pengurusan krisis yang berlaku dalam kalangan AJKRT dan komuniti pelbagai kaum.

4. Kursus Inventori Permasalahan Komuniti (INPEK)

Kursus ini menyasarkan Ahli Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga dengan objektif:

- a. Meningkatkan kebolehan mengenalpasti permasalahan dalam komuniti.
- b. Meningkatkan kebolehan menangani permasalahan dalam komuniti.
- c. Meningkatkan kemahiran AJKRT dalam menjalin hubungan strategik antara pelbagai pihak.

Kursus ini dilaksanakan dengan memberi pendedahan terhadap isu semasa dalam komuniti melalui intervensi yang perlu dilaksanakan untuk membantu komuniti. Intervensi ini bertujuan untuk menghubungkan kepakaran NGO dan agensi berkaitan terhadap individu yang terlibat dalam permasalahan. Program ini mampu melahirkan pemimpin Rukun Tetangga yang berkebolehan dan berkemahiran dalam menangani permasalahan dalam komuniti.

5. Integrasi Sosial Antara Komuniti (INSAN)

Program ini menyasarkan Ahli Jawatankuasa Rukun Tetangga dan kelompok komuniti dengan objektif untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui perkongsian ilmu, pengalaman dan buah fikiran antara komuniti Rukun Tetangga dan meningkatkan hubungan muhibah antara komuniti Rukun Tetangga. Program ini dilaksanakan dengan mengadakan lawatan sambil belajar ke komuniti cemerlang sebagai penanda aras bagi penambahbaikan kualiti Rukun Tetangga dan membuka ruang serta peluang untuk sesi

perkongsian pengalaman tentang *good practice* tentang kepimpinan dalam usaha untuk membina komuniti sejahtera.

6. Kepimpinan Sihat dan Sejahtera (KiSS)

Program ini menyasarkan Ahli Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga dengan objektif memastikan pemimpin Rukun Tetangga mempunyai kesihatan fizikal, mental dan emosi yang stabil dan sihat serta melahirkan pemimpin Rukun Tetangga yang rasional dalam membuat keputusan.

Program ini dilaksanakan melalui kursus, ceramah dan aktiviti fizikal dengan pengisian ceramah kesihatan mental, kaedah-kaedah senaman yang mudah diikuti dan pemakanan sihat dan berkhasiat. Program ini dapat memastikan kepimpinan Rukun Tetangga sentiasa sihat dan sejahtera dari segi mental dan fizikal.

7. Program MeG : Mengarusperdanakan Gender (*Gender Mainstreaming*)

Program ini menyasarkan Ahli Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga dengan objektif untuk meningkatkan pengetahuan pemimpin Rukun Tetangga mengenai peranan gender dalam komuniti, mengurangkan jurang kefahaman berkaitan peranan gender dan mengurangkan isu-isu *gender based violence* dalam komuniti.

Program ini dilaksanakan melalui tiga (3) kaedah iaitu *case study*, taklimat dan latihan yang mengandungi perkara berikut:-

- a) *Gender Based Violence (Domestic violence)*
- b) *Sex Education*
- c) *Sexual Reproductive*
- d) *Parenting*
- e) *Reponsible Masculinity*
- f) Mengurangkan jurang peluang antara lelaki dan perempuan

Program ini boleh melahirkan pemimpin *versatile*, berani dan cergas.

STRATEGI 2

Meningkatkan Penglibatan Golongan Muda Sebagai Pemimpin Pelapis Rukun Tetangga

Golongan muda yang merupakan pelapis kepimpinan masa hadapan negara di beri galakan dan peluang untuk melibatkan diri dalam kepimpinan di semua peringkat khususnya dalam komuniti. Usaha ini adalah bagi memperkasakan peranan mereka dalam pembangunan komuniti dan menggalakkan penglibatan dalam aktiviti kesukarelawanan.

RUKUN TETANGGA



TONGGAK PERPADUAN
KOMUNITI

STRATEGI 2 MENINGKATKAN PENGLIBATAN GOLONGAN MUDA SEBAGAI PEMIMPIN PELAPIS RUKUN TETANGGA				
Bil	Program	Kumpulan Sasar	Cadangan Rakan Kerjasama	Tempoh Masa
PROGRAM ASAS				
1	Pemimpin Muda Lestari	Golongan muda	IPT NGO JBS	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2021)
2	Pemimpin Muda Prihatin (PMP)	Golongan muda	JBS IPT NGO	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2022)
PROGRAM PILIHAN				
3	<i>YES (Young, Effective and Smart)</i>	Golongan muda	JBS INTAN IPT MBM NGO	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2021)
4	Jelajah Pemimpin Muda	Golongan muda	JBS JKM IPT MBM NGO	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2022)
5	<i>Midnight Adventures for Youngsters</i>	Golongan muda	JBS IPT MBM NGO	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2021)
6	Pemikir Muda Inovatif dan Kreatif	Golongan muda	MEDAC JBS IPT MBM NGO	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2021)

PENJELASAN PROGRAM

Program di bawah teras pertama ini diklusterkan sebagai program asas dan program pilihan. Program-program dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai agensi, NGO dan sektor swasta.

1. Pemimpin Muda Lestari

Program ini menyasarkan golongan muda dengan objektif untuk memberi kefahaman dan pendedahan mengenai tanggungjawab sebagai pemimpin pelapis Rukun Tetangga dalam beradaptasi terhadap perubahan yang berlaku dalam komuniti memberi kefahaman tentang kepentingan menyediakan data profail penduduk yang lengkap dan meningkatkan semangat kemasyarakatan dan kesukarelawanan yang tinggi (*passion*) sebagai pemimpin pelapis Rukun Tetangga.

Pelaksanaan program ini adalah secara kelas, taklimat, seminar, kursus dan bengkel dengan pengisian seperti berikut:

- a) Kebolehan untuk menjangka keperluan masa depan komuniti (*Foresight Thinking*).
- b) Kepimpinan fleksibel dan tangkas (*Agile Management*).
- c) Daya ketahanan (*resilience*), *sustainable*, kreatif, inovatif.
- d) Pelaksanaan program merentasi pelbagai bidang seperti kerohanian, kemahiran rundingan, penerapan integriti, kemahiran komunikasi, mediasi.
- e) Pendidikan, kesihatan, sains dan teknologi.
- f) *Digital Community- Society 5.0*: Mensejahterakan komuniti menggunakan teknologi.

Program ini akan melahirkan pemimpin pelapis Rukun Tetangga yang mempunyai wawasan, ilmu, semangat kesukarelawanan yang tinggi dan komunikasi berkesan serta diterima oleh semua lapisan masyarakat.

2. Pemimpin Muda Prihatin

Program ini menyasarkan golongan muda dengan objektif untuk mendedahkan golongan muda kepada isu sebenar dalam komuniti, meningkatkan keterlihatan (*visibility*) kepimpinan golongan muda dalam kalangan komuniti dan menjiwai semangat kekitaan (*sense of belonging*) dalam komuniti.

Program ini dilaksanakan melalui aktiviti kemasyarakatan, kem khidmat bakti dan program mentor-mentee Rukun Tetangga. Program ini akan melahirkan pemimpin muda yang mempunyai kecenderungan yang tinggi dalam aktiviti khidmat masyarakat.

3. YES (*Young, Effective and Smart*)

Program ini menyasarkan golongan muda dengan objektif untuk meningkatkan kefahaman terhadap sensitiviti budaya, agama dan keperluan golongan rentan (*vulnerable group*), meningkatkan kebolehan mengenalpasti dan menangani permasalahan dalam komuniti, meningkatkan kemahiran golongan muda dalam menjalin hubungan strategik antara pelbagai pihak.

Program ini mampu melahirkan pemimpin Rukun Tetangga yang berkebolehan dan berkemahiran dalam menangani permasalahan dalam komuniti.

4. Jelajah Pemimpin Muda

Sasaran program adalah golongan muda dengan objektif memberi pendedahan mengenai kecemerlangan komuniti belia yang lain bagi meningkatkan jalinan hubungan yang erat antara belia dengan komuniti dan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui perkongsian ilmu, pengalaman dan buah fikiran antara belia.

Pengisian program ini adalah mengadakan lawatan sambil belajar kepada golongan muda cemerlang dan kelompok belia dari organisasi lain serta NGO sebagai penanda aras bagi penambahbaikan kualiti Rukun Tetangga dan mengadakan sesi perkongsian pengalaman tentang *good practice* dalam komuniti yang cemerlang. Program ini mampu melahirkan kepimpinan golongan muda yang holistik dan cemerlang.

5. *Midnight Adventures for Youngsters*

Program ini menyasarkan golongan muda dengan objektif untuk menerapkan disiplin, sikap bertanggungjawab dan nilai-nilai murni dalam kalangan golongan muda, melahirkan golongan muda yang berdaya tahan dari aspek mental dan fizikal dan membentuk watak pemimpin dan pembinaan sahsiah diri (*character building*).

Antara kaedah pelaksanaanya adalah melalui aktiviti sukan dan rekreasi, ceramah mengenai pembentukan kepimpinan yang mempunyai sahsiah dan jati diri yang tinggi, kem dan program *mentor-mentee* Rukun Tetangga.

Program ini akan melahirkan pemimpin muda yang mempunyai penerapan nilai-nilai murni yang tinggi, mempunyai daya kepimpinan yang kreatif, inovatif dan berdaya saing.

6. Pemikir Muda Inovatif dan Kreatif

Program ini menyasarkan golongan muda dengan objektif untuk melahirkan golongan muda yang mempunyai daya pemikiran yang kreatif dan inovatif serta membentuk pemimpin muda yang berdaya tahan dan berfikiran terbuka.

Program ini dilaksanakan melalui *Case Study*, kem dan taklimat/kursus dengan pengisian seperti berikut;

- a) *Resilien / berdaya tahan*
- b) *Sustainable, creative, innovative*
- c) *Dare to be different*
- d) Mencari peluang dan ruang
- e) *Open minded – open for constructive criticism*

Program ini akan melahirkan pemimpin muda yang berdaya tahan, kreatif dan inovatif.



RUKUN TETANGGA



**TONGGAK PERPADUAN
KOMUNITI**



2

TERAS

**MEMPERKASAKAN KHIDMAT
KOMUNITI SEBAGAI TAPAK
INTEGRASI NASIONAL**

TERAS 2

MEMPERKASAKAN KHIDMAT KOMUNITI SEBAGAI TAPAK INTEGRASI NASIONAL

STRATEGI 1

Mempertingkatkan program perpaduan dan integrasi nasional dalam komuniti

STRATEGI 2

Memperkasakan peranan Rukun Tetangga sebagai *bridge builder* atau sumber rujukan sosial

STRATEGI 3

Memperkasakan jaringan kerjasama dengan rakan strategik dan komuniti

TERAS 2

MEMPERKASAKAN KHIDMAT KOMUNITI SEBAGAI TAPAK INTEGRASI NASIONAL

Teras kedua dalam pelan pemerksaan ini mengandungi tiga (3) strategi iaitu mempertingkatkan program perpaduan dan integrasi nasional dalam komuniti, memperkasakan peranan Rukun Tetangga sebagai *bridge builder* atau sumber rujukan sosial dan memperkasakan jaringan kerjasama dengan rakan strategik dan komuniti. Teras ini memberi penekanan kepada kepentingan tapak integrasi nasional dalam memperkasakan khidmat komuniti.

Tapak integrasi nasional merujuk kepada platform atau medium pertemuan pelbagai pihak bagi mencari jalan penyelesaian terhadap sesuatu permasalahan. Melalui tapak integrasi pelbagai program dan aktiviti komuniti dapat dilaksanakan dengan mengambil kira sensitiviti setiap kaum.

STRATEGI 1

Mempertingkatkan Program Perpaduan Dan Integrasi Nasional Dalam Komuniti

Pelaksanaan program perpaduan dan integrasi nasional perlu dipergiatkan sebagai platform masyarakat berbilang kaum untuk berinteraksi dan memahami kebudayaan dan cara hidup masing-masing. Penyertaan masyarakat berbilang kaum dalam setiap program yang bersifat inklusif berupaya mewujudkan masyarakat yang harmoni dan sejahtera.



TERAS 2

MEMPERKASAKAN KHIDMAT KOMUNITI SEBAGAI TAPAK INTEGRASI NASIONAL

STRATEGI 1 MEMPERTINGKATKAN PROGRAM PERPADUAN DAN INTEGRASI NASIONAL DALAM KOMUNITI				
Bill	Program	Kumpulan Sasar	Cadangan Rakan Kerjasama	Tempoh Masa
PROGRAM PILIHAN				
Kebudayaan				
1	Pentas Busana Perpaduan	Golongan muda	JKKN IPT NGO	Jangka Pendek dan berterusan (mulai 2021)
2	Jom Rasa Malaysia	Komuniti	JKKN IPT NGO	Jangka Pendek dan berterusan (mulai 2021)
3	Fotografi/Videografi Perpaduan	Golongan muda	JPN IPT NGO JABATAN PENERANGAN BERNAMA	Jangka Pendek dan berterusan (mulai 2021)
4	Program Integrasi Nasional (PINas)	Golongan muda/ Mahasiswa/ SRN/ Guru	MOTAC JPN MAS AIR ASIA NGO	Jangka Pendek dan berterusan (mulai 2022)
Sukan dan Rekreasi				
5	Sukan Perpaduan	Golongan muda Komuniti	JBS JKKN KRAFTANGAN NGO	Jangka Pendek dan berterusan (mulai 2021)
6	Kayuhan Ceria	Golongan muda Komuniti	JBS MBM PBT NGO PDRM	Jangka Pendek dan berterusan (mulai 2021)
7	Liga Perpaduan	Golongan muda Komuniti	JBS MBM NGO PDRM	Jangka Pendek dan berterusan (mulai 2021)

TERAS 2

8	Larian Perpaduan	Golongan muda Komuniti	PBT JBS JPN IPT NGO	Jangka Pendek dan berterusan (mulai 2021)
9	<i>Unity e-Sport</i>	Golongan muda Komuniti	PBT JBS JPN IPT NGO	Jangka Pendek dan berterusan (mulai 2021)
10	Merawai Perpaduan	Golongan muda Komuniti	IPT NGO	Jangka Pendek dan berterusan (mulai 2021)
11	Kembara Perpaduan	Golongan muda Komuniti	PBT JBS JPN IPT NGO	Jangka Pendek dan berterusan (mulai 2021)
Kesihatan dan Kebersihan				
12	Jom Sihat	Golongan muda Komuniti	KKM LPPKN NGO	Jangka Pendek dan berterusan (mulai 2021)
13	Gotong-Royong RT4ALL	Golongan muda Komuniti	JAS PBT KPKT NGO	Jangka Pendek dan berterusan (mulai 2021)
14	Jaga Diri Leklok	Golongan muda Komuniti	KKM IPT NGO	Jangka Pendek dan berterusan (mulai 2021)
Pendidikan dan Kemahiran				
15	Jom Komuniti 3S (Selesa, Selamat, Sejahtera)	Golongan muda Komuniti	JKM PDRM AADK PBT MCPF NGO	Jangka Pendek dan berterusan (mulai 2021)

PENJELASAN PROGRAM

Program di bawah strategi pertama dalam teras kedua diklusterkan kepada program kebundayaan, sukan dan rekreasi, kesihatan dan kebersihan serta pendidikan dan kemahiran. Program dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai agensi, NGO dan sektor swasta.

1. Pentas Busana Perpaduan

Objektif program adalah untuk memahami keunikan pakaian pelbagai etnik serta menghormati kepelbagaian budaya kaum di Malaysia melalui pertandingan atau pertunjukan pakaian tradisional kaum-kaum. Penerangan mengenai pakaian berkenaan dilaksanakan secara bersepadu dengan kerjasama agensi kerajaan, swasta dan NGO yang berkaitan.

2. Jom Rasa Malaysia

Objektif program ini adalah untuk memahami keunikan makanan pelbagai etnik di Malaysia dan cara penyediaannya melalui pertandingan atau demonstrasi makanan. Penerangan mengenainya dan dilaksanakan secara bersepadu dengan kerjasama agensi kerajaan, swasta dan NGO yang berkaitan bagi melahirkan rakyat Malaysia yang menghargai dan meraikan kepelbagaian kumpulan etnik yang ada di Malaysia.

3. Fotografi/Videografi Perpaduan

Program ini dilaksanakan melalui kaedah pertandingan yang menetapkan elemen kepelbagaian etnik dan budaya di negara ini bagi melahirkan masyarakat yang menghargai perpaduan dan integrasi nasional.

4. Program Integrasi Nasional (PINas)

Objektif program agar golongan muda memahami keunikan budaya, cara hidup dan adat resam pelbagai etnik di Malaysia serta meningkatkan semangat patriotisme dan jati diri. Antara kaedah pelaksanaannya adalah melalui Program Keluarga Angkat yang menyasarkan golongan muda seperti mahasiswa dan pelajar sekolah menengah merentas wilayah.

5. Sukan Perpaduan

Objektif program ini untuk memahami keunikan sukan dan rekreasi pelbagai etnik di Malaysia serta meningkatkan semangat jati diri sebagai rakyat Malaysia yang mempunyai kepelbagaian permainan tradisi di Malaysia melalui pertandingan atau demonstrasi untuk melahirkan rakyat Malaysia akan lebih menghargai dan meraikan kepelbagaian kumpulan etnik yang ada di Malaysia.

6. Kayuhan Ceria

Objektif program untuk meningkatkan semangat kerjasama dan kekitaan antara etnik pelbagai kaum serta membudayakan sukan dalam kehidupan seharian melalui program pertandingan atau rekreasi sukan berbasikal yang dilaksanakan secara bersepadu dengan kerjasama agensi kerajaan, swasta dan NGO yang berkaitan bagi melahirkan rakyat Malaysia yang mengamalkan gaya hidup sihat melalui aktiviti KRT.

7. Liga Perpaduan

Objektif program untuk meningkatkan semangat perpaduan dan kerjasama antara etnik pelbagai kaum bagi membudayakan sukan dalam kehidupan seharian melalui pertandingan atau rekreasi sukan bola sepak/badminton/bowling/liga komuniti/hoki. Pelaksanaan program ini mensyaratkan penyertaan pelbagai kaum dalam satu kumpulan.

8. Larian Perpaduan

Objektif program ini untuk meningkatkan semangat kesukunan dan melahirkan gaya hidup sihat.

9. Unity e-Sport

Objektif program untuk meningkatkan semangat kekitaan dan kerjasama serta mempamerkan kemahiran dalam bidang e-Sport yang menjadi *trend* masa kini generasi muda melalui kaedah pertandingan e-Games demi menarik lebih ramai penglibatan generasi muda dalam program Rukun Tetangga.

10. Merawai Perpaduan (Memancing)

Objektif program untuk meningkatkan semangat kekitaan dan hubungan antara kaum serta mengisi masa lapang dengan aktiviti sihat dan santai melalui program memancing di peringkat KRT/Daerah oleh golongan muda, komuniti Rukun Tetangga dan keluarga bagi melahirkan rakyat Malaysia yang mengamalkan gaya hidup sihat.

11. Kembara Perpaduan

Objektif program untuk meningkatkan semangat kekitaan dan hubungan antara kaum/etnik serta mengisi masa lapang dengan aktiviti sihat melalui program *hiking* di peringkat KRT/Daerah oleh golongan Muda dan komuniti Rukun Tetangga berkumpulan bagi melahirkan rakyat Malaysia yang mengamalkan gaya hidup sihat.

12. Jom Sihat

Objektif program untuk meningkatkan kesedaran penjagaan kesihatan diri dan keluarga serta mengamalkan gaya hidup sihat melalui program saringan kesihatan dan aktiviti kecergasan.

13. Gotong-Royong *RT4ALL*

Objektif program untuk meningkatkan kesedaran penjagaan persekitaran serta mengamalkan budaya kitar semula di peringkat komuniti melalui program gotong-royong dan keceriaan di kawasan komuniti RT bagi melahirkan komuniti yang mengamalkan budaya kebersihan dan penjagaan persekitaran di kawasan masing-masing.

14. Jaga Diri Leklok (Pendidikan Seksual dan Reprouktif Remaja)

Objektif program untuk meningkatkan pengetahuan mengenai Pendidikan Seksual dan Reprouktif dalam kalangan golongan muda dan keluarga serta mengamalkan gaya hidup sihat dan positif melalui ceramah, kaunseling dan sesi perkongsian bagi membendung gejala sosial dalam kalangan remaja.

15. Jom Komuniti 3S (Selesa, Selamat, Sejahtera)

Objektif program untuk meningkatkan kesedaran pengurusan isu sosial dan kesedaran dalam komuniti serta mengamalkan budaya prihatin dan ‘ambil tahu’. Rukun Tetangga bertindak sebagai pemudahcara mengurus isu sosial bagi membina komuniti yang selesa, selamat dan sejahtera.

STRATEGI 2

Memperkasakan Peranan Rukun Tetangga Sebagai *Bridge Builder* atau Sumber Rujukan Sosial

Rukun Tetangga berperanan sebagai sumber rujukan komuniti dalam menyampaikan maklumat dan menjadi penghubung di antara komuniti dengan agensi-agensi kerajaan. Bagi memperkuatkan peranan Rukun Tetangga sebagai *bridge builder* dalam komuniti, program-program berbentuk pengurusan pangkalan data penyampaian perkhidmatan dan kecekapan penyebaran maklumat amat diperlukan.



STRATEGI 2
**MEMPERKASAKAN PERANAN RUKUN TETANGGA SEBAGAI *BRIDGE BUILDER* ATAU
 SUMBER RUJUKAN SOSIAL**

Bill	Program	Kumpulan Sasar	Cadangan Rakan Kerjasama	Tempoh Masa
PROGRAM PILIHAN				
Pengurusan dan Pentadbiran				
1	RT2U : <i>One Stop Community Centre (Fizikal)</i>	Komuniti	Persatuan Penduduk Agensi Kerajaan	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2021)
2	Info4unity	Komuniti	Persatuan Penduduk Agensi Kerajaan	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2021)
3	Profil Komuniti	Komuniti	Persatuan Penduduk	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2021)

PENJELASAN PROGRAM

1. RT2U : *One Stop Community Centre (Fizikal)*

Objektif program untuk meningkatkan kecekapan pengurusan isu sosial dalam komuniti serta memperkasakan peranan Rukun Tetangga sebagai *Bridge Builder* atau sumber rujukan sosial dengan menyediakan pelbagai perkhidmatan, penyampaian dan penyebaran maklumat kepada komuniti bagi memastikan keberkesanan perkhidmatan Rukun Tetangga kepada komuniti.

2. Info4unity

Objektif program untuk meningkatkan peranan Rukun Tetangga sebagai sumber maklumat tepat atau sumber rujukan sosial untuk memastikan penyampaian maklumat kepada komuniti melalui media sosial seperti *Whatsapp*, *Telegram*, *Facebook* dan *Instagram*.

3. Profil Komuniti

Objektif program untuk memperkuuhkan peranan Rukun Tetangga dalam pengurusan dan penyelesaian masalah setempat melalui inventori pemasalahan komuniti. Peranan KRT diperkuuhkan melalui kolaborasi dan kerjasama bersepada bersama agensi, NGO dan swasta serta pihak-pihak lain yang berkaitan. Selain itu penyediaan data komuniti juga bertujuan untuk menyediakan aktiviti yang dapat memenuhi keperluan komuniti yang pelbagai.

STRATEGI 3

Memperkasakan Jaringan Kerjasama Dengan Rakan Strategik dan Komuniti

Kerjasama strategik antara Rukun Tetangga dengan pelbagai pihak dapat memberi manfaat kepada komuniti. Ini memberi peluang kepada pihak berkepentingan untuk menjalankan tanggungjawab sosial kepada sasaran yang memerlukan.

RUKUN TETANGGA



**TONGGAK PERPADUAN
KOMUNITI**

STRATEGI 3 MEMPERKASA JARINGAN KERJASAMA DENGAN RAKAN STRATEGIK DAN KOMUNITI				
Bill	Program	Kumpulan Sasar	Cadangan Rakan Kerjasama	Tempoh Masa
PROGRAM PILIHAN				
1	Komuniti Bebas Dadah	Komuniti	AADK Pengasih	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2021)
2	Jom Perangi Jenayah	Komuniti	PDRM MCPF	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2021)
3	#Youth4Unity	Komuniti	KBS KPT MBM	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2022)
4	Kanta Selamat (Pendidikan keselamatan keluarga dan kejiran)an)	Komuniti	KPWKM Perunding Motivasi Keluarga	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2022)

PENJELASAN PROGRAM

Pelaksanaan program-program ini adalah dengan kerjasama strategik bersama agensi kerajaan dan bukan kerajaan (NGO). Objektif program untuk memperkasa jaringan kerjasama Rukun Tetangga dengan Rakan Strategik dan Komuniti memperkasakan peranan Rukun Tetangga sebagai *Bridge Builder* atau sumber rujukan sosial melalui punca kuasa Majlis Keselamatan Negara (Isu Perpaduan Negara untuk dilaksanakan merentas agensi) dengan Kementerian melalui Bahagian Dasar dan Perhubungan Antarabangsa sebagai penyelaras jaringan kerjasama KPN dengan pelbagai agensi merentas sektor bagi memastikan perpaduan sebagai pemangkin kepada kestabilan politik, ekonomi dan sosial negara. Antara program tersebut adalah seperti berikut:

- 1. Komuniti Bebas Dadah**
- 2. Jom Perangi Jenayah**
- 3. #Youth4Unity**
- 4. Kanta Selamat**



RUKUN TETANGGA



**TONGGAK PERPADUAN
KOMUNITI**



3

TERAS

MENINGKATKAN
KESELAMATAN DAN
KEHARMONIAN KOMUNITI
MENERUSI AKTIVITI
KESUKARELAWANAN

TERAS 3

MENINGKATKAN KESELAMATAN DAN KEHARMONIAN KOMUNITI MENERUSI AKTIVITI KESUKARELAWANAN

STRATEGI 1

Meningkatkan keselamatan komuniti

STRATEGI 2

Memelihara keharmonian antara kaum
agama dan budaya dalam kawasan
kejiranan

STRATEGI 3

Membudayakan kesukarelawanan
dalam komuniti

TERAS 3

MENINGKATKAN KESELAMATAN DAN KEHARMONIAN KOMUNITI MENERUSI AKTIVITI KESUKARELAWANAN

Teras ketiga dalam pelan pemerksaan ini mengandungi tiga (3) strategi iaitu meningkatkan keselamatan komuniti, memelihara keharmonian antara kaum, agama dan budaya dalam kawasan serta membudayakan kesukarelawanan dalam kalangan komuniti. Ketiga-tiga strategi ini adalah selaras dengan peranan dan fungsi Rukun Tetangga sepetimana yang termaktub dalam Akta Rukun Tetangga 2012 (Akta 751).

Rukun Tetangga perlu memberi penekanan berhubung pemilikan rasa tanggungjawab bersama dalam kalangan setiap penduduk agar kawasan kejiranan adalah selamat dan kondusif. Inisiatif-inisiatif seperti Program Pendidikan Keselamatan Kejiranan, Jom Ronda Dan Kempen Pencegahan Jenayah memerlukan penglibatan aktif semua pihak secara sukarela agar isu-isu dalam komuniti dapat ditangani secara bersepadu.

STRATEGI 1

Meningkatkan Keselamatan Komuniti

Di bawah Seksyen 18, Akta Rukun Tetangga 2012 (Akta 751), Rukun Tetangga berperanan dalam menjaga keselamatan kawasan kejiraman. Peranan ini telah diperkasakan lagi dengan penubuhan Skim Rondaan Sukarela (SRS) dalam komuniti Rukun Tetangga.

Tujuan utama penubuhan SRS adalah untuk membantu pihak berkuasa membendung kegiatan jenayah dan gejala di komuniti setempat.

Dengan adanya kerjasama SRS dan pihak berkuassa, keselamatan, keharmonian dan kesejahteraan masyarakat dalam komuniti terus terpelihara.



TERAS 3

MENINGKATKAN KESELAMATAN DAN KEHARMONIAN KOMUNITI MENERUSI AKTIVITI KESUKARELAWANAN

STRATEGI 1 MENINGKATKAN KESELAMATAN KOMUNITI				
Bil	Program	Kumpulan Sasar	Cadangan Rakan Kerjasama	Tempoh Masa
PROGRAM ASAS				
Keselamatan				
1	Peluasan Penubuhan SRS	Komuniti	PDRM	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2021)
2	Program Pendidikan Keselamatan Kejiranan	Komuniti	PDRM AADK	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2022)
3	Program Jom Ronda	Komuniti	PDRM	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2021)
4	Kursus Bantu Mula Skuad Uniti	Komuniti	PDRM MKN	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2022)
PROGRAM PILIHAN				
Keselamatan				
5	Program Permuafakatan SRS - PIBG	Komuniti	KRT / PIBG / Sekolah	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2021)
6	Kempen ‘Jiranku Keluargaku’	Komuniti	Persatuan Penduduk	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2021)

PENJELASAN PROGRAM

Program di bawah strategi ini diklusterkan kepada program asas dan program pilihan

1. Peluasan Penubuhan SRS

- Cadangan untuk menubuhkan SRS di setiap Kawasan Rukun Tetangga

2. Program Pendidikan Keselamatan Kejiranan

- Bertujuan memberikan perkongsian maklumat berkaitan statistik jenayah dan kesedaran pencegahan keselamatan diri, keluarga dan harta benda awam.
- Memberikan latihan kepada peronda SRS dalam pengendalian peralatan, kawad tongkat, tempur tanpa senjata.
- Mendedahkan penggunaan pendigitalan dalam membanteras jenayah di dalam kawasan komuniti. Misalnya aplikasi *Volunteer Smartphone Patrol (VSP)*.

3. Program Jom Ronda

- Program Jom Ronda bertujuan untuk meningkatkan motivasi anggota Skim Rondaan Sukarela (SRS) dalam memastikan keselamatan dan kesejahteraan dalam kawasan kejiranan serta menggalakkan penyertaan aktif komuniti dalam aktiviti keselamatan. Di samping itu, program ini juga bertujuan bagi mengeratkan kerjasama strategi di antara Kawasan Rukun Tetangga, Skim Rondaan Sukarela (SRS) dengan pelbagai pihak khususnya pihak PRDM.

4. Kursus Bantu Mula Bagi Skuad Uniti

- Kursus ini bertujuan untuk melengkapkan anggota Skuad Uniti dengan pengetahuan dan kemahiran dalam memberikan khidmat bantu mula apabila berlaku sesuatu bencana, krisis atau kecemasan dalam komuniti. Skuad Uniti telah dilancarkan pada 9 Mac tahun 2014 dan berperanan untuk menerima, menyampaikan maklumat dan membantu mangsa apabila berlaku kecemasan dalam komuniti.

5 Program Permuafakatan SRS-PIBG

- Kerjasama melalui penglibatan ibu bapa, sekolah dan pelajar sekolah selari dengan anjakan kesembilan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025 yang memberi penekanan penglibatan komuniti dalam memperkasakan sekolah.
- Dilaksanakan bersama PIBG sekolah yang terlibat dalam membanteras isu pelajar ponteng sekolah dan masalah sosial yang lain.

6. Kempen ‘Jiranku Keluargaku’

Program ini melibatkan kumpulan sasar yang terdiri daripada penduduk di dalam kawasan kejiranan.

- Program ini bertujuan untuk mewujudkan satu medium interaksi untuk saling kenal mengenali, tolong – menolong dan bertolak ansur selari dengan peningkatan semangat kejiranan.
- Pendekatan yang boleh digunakan seperti melantik seorang ketua jiran yang akan mengetuai jiran-jiran yang berada dalam lorong, blok, aras dan sebagainya.
- Penerapan nilai 4S iaitu (senyum, sapa, salam dan sembang).

Program ini diharapkan mewujudkan masyarakat aman, sejahtera dan selamat.

STRATEGI 2

Memelihara Keharmonian Antara Kaum, Agama dan Budaya Dalam Kawasan Kejiranran

Rukun Tetangga berperanan penting untuk memelihara keharmonian masyarakat majmuk dalam komuniti. Oleh itu kebolehan meningkatkan persefahaman dalam memelihara keharmonian antara kaum, agama dan budaya amat penting kepada Rukun Tetangga. Justeru, keahlian Rukun Tetangga perlu mewakili pelbagai lapisan masyarakat agar pandangan semua pihak diambil kira.



TERAS 3

STRATEGI 2

MEMELIHARA KEHARMONIAN ANTARA KAUM AGAMA
DAN BUDAYA DALAM KAWASAN KEJIRANAN

Bil	Program	Kumpulan Sasar	Cadangan Rakan Kerjasama	Tempoh Masa
PROGRAM PILIHAN				
Keharmonian				
1	Sambutan Perayaan Pelbagai Kaum	Komuniti	Persatuan Penduduk NGO	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2021)
2	Sambutan Hari Toleransi	Komuniti	Persatuan Penduduk NGO	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2022)
3	Program 'Kenali Budaya Kita'	Komuniti	Persatuan Penduduk NGO	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2022)
4	Sambutan Minggu Keharmonian Antara Pelbagai Agama dan Budaya	Komuniti	Persatuan Penduduk Agensi Kerajaan NGO	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2022)
5	Minggu Bersama Komuniti	Komuniti	Persatuan Penduduk Agensi Kerajaan NGO	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2021)

PENJELASAN PROGRAM

1. Meraikan Perayaan Pelbagai Kaum

- Program ini merujuk kepada sambutan pelbagai perayaan yang akan dilaksanakan di peringkat komuniti oleh Jawatankuasa Rukun Tetangga.
- Tujuan program ini adalah untuk meningkatkan interaksi sosial dan kefahaman budaya antara masyarakat berbilang kaum dalam memastikan keharmonian terpelihara.
- Kaedah pelaksanaan melalui amalan pertukaran juadah makanan tradisi, memakai pakaian tradisi atau silang budaya untuk meraikan kepelbagaian.
- Hebahan dan promosi terhadap kepelbagaian adat resam, budaya dan agama.

Impak program ini akan melahirkan masyarakat yang saling hormat menghormati dan menghargai kepelbagaian dalam komuniti.

2. Sambutan Hari Toleransi

- Hari Toleransi ialah acara bagi meningkatkan kesedaran terhadap semangat kerjasama dan bertolak ansur serta meletakkan kepentingan pelbagai pihak melebihi kepentingan individu atau pihak tertentu.
- Program ini melibatkan penduduk setempat dengan program-program seperti melaksanakan dialog antara agama, lawatan ke rumah ibadat dan penghayatan detik perpaduan.

Impak program ini akan mewujudkan kesedaran dalam diri dalam memberi penghormatan dan penghargaan terhadap kepelbagaian budaya, agama dan adat resam.

3. Program ‘Kenali Budaya Kita’

- Keperluan perkongsian ciri-ciri keunikan pelbagai budaya masyarakat di Malaysia.
- Pelaksanaan program ini seperti pertandingan silang budaya, pameran pelbagai kaum dan etnik, demonstrasi adat perkahwinan, kelahiran dan lain-lain.

Impak program ini akan mewujudkan persefahaman antara budaya.

4. Sambutan Minggu Keharmonian Antara Pelbagai Agama dan Budaya

- Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama dan Budaya menggalakkan persefahaman dan dialog antara agama yang merupakan dimensi penting dalam budaya keamanan dan menetapkan program ini sebagai satu cara untuk menggalakkan keharmonian dalam kalangan semua rakyat pelbagai kaum dan agama.
- Antara pengisian program yang boleh dilaksanakan adalah *Harmony Walk*, *Dialog Harmony*, Larian Perpaduan dan lain-lain.

Impak program ini akan mewujudkan persefahaman antara budaya dan agama.

5. Minggu bersama komuniti

- Program ini melibatkan komuniti setempat yang boleh dilaksanakan sekurang-kurangnya seminggu dalam satu sebulan.
- Antara pengisian yang boleh dilakukan ialah jualan ‘car boot sale’, aktiviti senaman, pemeriksaan kesihatan, kempen kesedaran dasar/program kerajaan dan lain-lain.

Impak program ini diharap dapat mewujudkan semangat kekitaan dalam kalangan penduduk setempat.



STRATEGI 3

Membudayakan Kesukarelawanan Dalam Kalangan Komuniti

Kesukarelawanan merupakan tingkah laku sukarela oleh individu atau kumpulan dalam menjalankan aktiviti kemasyarakatan. Dalam konteks Rukun Tetangga, penglibatan komuniti yang terdiri daripada pelbagai kaum dan peringkat umur perlu diterapkan. Penerapan semangat kesukarelawanan ini dapat meningkatkan penglibatan komuniti dalam aktiviti-aktiviti Rukun Tetangga seperti aktiviti kemasyarakatan dan keselamatan komuniti.



RUKUN TETANGGA

TONGGAK PERPADUAN
KOMUNITI

TERAS 3

STRATEGI 3 MEMBUDAYAKAN KESUKARELAWANAN DALAM KOMUNITI				
Bil	Program	Kumpulan Sasar	Cadangan Rakan Kerjasama	Tempoh Masa
PROGRAM PILIHAN				
Keharmonian				
1	<i>Team Sukarelawan Muda (TSM)</i>	Golongan Muda Komuniti	IPT Persatuan Penduduk NGO	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2021)
2	Program TUNAS (Terap, Usaha, Nilai, Amalan, Sukarela)	Kanak-kanak Komuniti	IPT Persatuan Penduduk NGO	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2021)

PENJELASAN PROGRAM

1. Team Sukarelawan Muda (TSM)

- Program ini melibatkan kumpulan golongan muda yang berumur 13 tahun ke atas untuk terlibat dalam aktiviti kesukarelawan dalam memberi khidmat komuniti.
- Antara khidmat komuniti yang boleh dilakukan adalah memberi bantuan kebajikan kepada golongan berkeperluan khas, warga emas, orang kelainan upaya (OKU) dan sebagainya.

Impak program ini adalah untuk menarik minat golongan muda dalam aktiviti kesukarelawan.

2. Program TUNAS (Terap, Usaha, Nilai, Amalan, Sukarela)

- Program ini merupakan inisiatif baru bertujuan untuk memupuk semangat kesukarelawan sejak di awal usia persekolahan.
- Antara pengisian yang boleh dilakukan adalah aktiviti kemasyarakatan bersama komuniti setempat.

Impak program ini memberikan pendedahan awal dalam memupuk semangat kesukarelawan sejak usia muda.

RUKUN TETANGGA



TONGGAK PERPADUAN KOMUNITI



4

TERAS

**MEMANTAPKAN PERANAN
KAWASAN RUKUN TETANGGA
DALAM MENINGKATKAN
KESEJAHTERAAN KOMUNITI**

TERAS 4

MEMANTAPKAN PERANAN KAWASAN RUKUN TETANGGA DALAM MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN KOMUNITI

STRATEGI 1

Memperkasakan ekonomi komuniti
Rukun Tetangga

STRATEGI 2

Meningkatkan kualiti hidup komuniti

STRATEGI 3

Memperkuatkan peranan Rukun Tetangga
dalam menangani masalah sosial

STRATEGI 4

Meningkatkan kemahiran khidmat mediasi

TERAS 4

MEMANTAPKAN PERANAN KAWASAN RUKUN TETANGGA DALAM MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN KOMUNITI

Teras keempat dalam pemerkasaan ini mengandungi empat (4) strategi iaitu memperkasakan ekonomi komuniti Rukun Tetangga, meningkatkan kualiti hidup, memperkuuhkan peranan Rukun Tetangga dalam menangani masalah sosial dan meningkatkan kemahiran khidmat mediasi komuniti. Keempat-empat strategi tersebut bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan komuniti yang merupakan faktor penting bagi memastikan kemakmuran negara. Bagi memastikan kelangsungan hidup dalam komuniti terjamin, aktiviti-aktiviti berimpak tinggi perlu dilaksanakan bagi memperkasakan komuniti untuk berhadapan dengan perubahan dan cabaran persekitaran semasa.

Rukun Tetangga perlu menggembeleng kepakaran dalam komuniti masing-masing serta mengadakan kerjasama strategik agar impak positif dinikmati oleh semua golongan dalam komuniti. Gerak Kerja Komuniti RT Sejahtera perlu dijadikan panduan agar setiap KRT memainkan peranan masing-masing dengan berkesan.

STRATEGI 1

Memperkasakan Ekonomi Komuniti Rukun Tetangga

Taraf ekonomi komuniti setempat dapat dipertingkatkan melalui pelaksanaan projek-projek ekonomi yang bersesuaian dengan kehendak dan keperluan komuniti. Projek ekonomi ini memberi impak positif kepada komuniti setempat dalam menjana pendapatan, menambah kewangan dalam tabung KRT, mewujudkan semangat bekerjasama dan menjadikan Rukun Tetangga lebih berdikari.

Projek ekonomi ini dapat dilaksanakan melalui kerjasama dengan pelbagai agensi bagi mendapatkan khidmat nasihat, bimbingan dan latihan kemahiran.



TERAS 4

MEMANTAPKAN PERANAN KAWASAN RUKUN TETANGGA DALAM MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN KOMUNITI

STRATEGI 1

MEMPERKASA EKONOMI KOMUNITI RUKUN TETANGGA

Bil	Program	Kumpulan Sasar	Cadangan Rakan Kerjasama	Tempoh Masa
PROGRAM PILIHAN				
1	Skill2U	Komuniti	IPT Kolej Komuniti	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2022)
2	e-RezQi	Komuniti	MARA TEKUN SME Corp	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2022)
3	Program 1 Daerah 1 Produk (1D1P)	Komuniti	MARDI MARA TEKUN SME Corp Bank	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2022)
4	Program Pemasaran Atas Talian	Komuniti	TEKUN SMEcorp MDEC	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2022)
5	Perantis Usahawan RT	Komuniti	MARDI MARA TEKUN SMEcorp Bank	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2022)

PENJELASAN PROGRAM

1. Skill2U

Satu kursus untuk membimbing komuniti Rukun Tetangga dalam melahirkan minat dan kecederungan dalam menjalankan perniagaan bagi menjana ekonomi. Ia juga bertujuan untuk memberi kesedaran akan kepentingan perkongsian secara lestari. Program ini dilaksanakan melalui kerjasama kerajaan, industri dan akademia. Antara kursus yang boleh dilaksanakan adalah seperti:

- Kursus IT
- Kursus Kewangan
- Kursus Undang-undang Perniagaan
- Kursus Keusahawanan

2. e-RezQi

Kepentingan membangunkan pangkalan data menjadi objektif program ini. AJKRT diberi kemahiran bagi pengumpulan dan penyimpanan data supaya memudahkan akses kepada maklumat aktiviti-aktiviti ekonomi yang dijalankan. Kaedah pelaksanaan adalah dengan pembangunan sistem atas talian.

3. Program 1 Daerah 1 Produk (1D1P)

Pengkhususan produk dan perkhidmatan Rukun Tetangga mengikut daerah bertujuan untuk memperluaskan pemasaran dan menyokong pembangunan ekonomi secara komuniti setempat berdasarkan produk beridentitikan daerah. Ia akan mewujudkan komuniti RT yang berinovasi dan kreatif dalam penghasilan produk dan perkhidmatan.

4. Program Pemasaran Atas Talian

Bagi memenuhi tuntutan pasaran pada masa kini, Rukun Tetangga dan komuniti dibimbing untuk menggunakan platform pemasaran secara digital bagi memperluaskan skop pemasaran ke peringkat yang lebih luas.

5. Perantis Usahawan RT

Satu program bagi melahirkan dan menggalakkan Rukun Tetangga dan komuniti untuk menjadi kumpulan usahawan berjaya melalui kaedah *mentor mentee* (sifu) secara tidak langsung ia juga bertujuan untuk menghargai usahawan Rukun Tetangga yang telah berjaya dan melahirkan Ikon Rukun Tetangga.



RUKUN TETANGGA



**TONGGAK PERPADUAN
KOMUNITI**

STRATEGI 2

Meningkatkan Kualiti Hidup Komuniti

Rukun Tetangga juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan kualiti kehidupan komuniti. Pelaksanaan program-program berimpak tinggi yang menyasarkan kelompok komuniti yang tepat. Ini mampu memperbaiki kaedah penyampaian perkhidmatan kerajaan, sekaligus memastikan tiada kelompok komuniti yang tersisih.

Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan dirangka mengikut keperluan dan kesesuaian komuniti setempat dengan memberikan fokus kepada keselesaan hidup dan persekitaran yang sihat, produktif dan kondusif dalam komuniti.



STRATEGI 2

MENINGKATKAN KUALITI HIDUP KOMUNITI

Bil	Program	Kumpulan Sasar	Cadangan Rakan Kerjasama	Tempoh Masa
1	Kanta Komuniti	Komuniti	PDRM JKM Persatuan Penduduk NGO	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2021)
2	Program Minda Sejahtera	Komuniti	KKM JKM NGO	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2021)

PENJELASAN PROGRAM

1. Kanta Komuniti

Rukun Tetangga sebagai mata dan telinga kerajaan di peringkat komuniti bagi menyalurkan maklumat mengenai isu dan permasalahan serta keperluan komuniti kepada agensi terlibat dan bekerjasama mengatasi permasalahan tersebut.

2. Program Minda Sejahtera

Objektif program untuk meningkatkan pengetahuan mengenai kesihatan mental dalam kalangan keluarga komuniti Rukun Tetangga serta mengamalkan gaya hidup sihat dan positif melalui ceramah, kaunseling, ujian kesihatan mental dan sesi perkongsian bagi meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup komuniti.

STRATEGI 3

Memperkuuhkan Peranan Kawasan Rukun Tetangga Dalam Menangani Masalah Sosial

Dalam usaha menangani permasalahan sosial yang seringkali berlaku dalam komuniti, kolaborasi Rukun Tetangga bersama pelbagai pihak haruslah diberikan perhatian dalam merangka satu program atau kaedah secara bersepada. Kerjasama dengan agensi seperti PDRM, AADK dan lain- lain boleh dilaksanakan dalam usaha memberikan pendidikan berkaitan dengan bahaya dan kesan dadah dan perlencongan sosial terhadap masyarakat.



STRATEGI 3

MEMPERKUKUHKAN PERANAN RUKUN TETANGGA DALAM MENANGANI MASALAH SOSIAL

Bil	Program	Kumpulan Sasar	Cadangan Rakan Kerjasama	Tempoh Masa
1	RT Mesra	Komuniti	JKM LPPKN IPT NGO	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2021)
2	Kenali RT	Komuniti	Media Sosial Media Elektronik Media Cetak	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2021)
3	RT Cakna	Komuniti	LPPKN JKM IPT NGO	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2021)

PENJELASAN PROGRAM

1. RT Mesra

Kolaborasi Rukun Tetangga dengan institusi pendidikan dan pemegang taruh melalui Jawatankuasa Permuafakatan Perpaduan Daerah bagi menangani gejala sosial untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan komuniti.

2. Kenali RT

Merupakan satu program mempromosikan peranan dan tugas Rukun Tetangga kepada komuniti dengan mengadakan aktiviti kemasyarakatan bersasar melalui kolaborasi dengan pelbagai pihak dalam usaha mengukuhkan perpaduan dalam mengurangi masalah sosial.

3. RT Cakna

Satu siri kursus bertujuan untuk mendidik dan memantapkan pengetahuan ibu bapa dan komuniti dalam:

- Psikologi anak-anak
- Ibu bapa cemerlang
- Keluarga Bahagia
- Pengurusan kewangan keluarga
- Komunikasi keluarga

Program kemasyarakatan melalui kolaborasi bersama pakar bagi melahirkan keluarga yang bahagia dan harmoni.

STRATEGI 4

Meningkatkan Kemahiran Dalam Khidmat Mediasi

Mediasi adalah kaedah penyelesaian alternatif yang digunakan bagi menyelesaikan sesuatu masalah atau isu antara pihak yang bertelagah. Mediasi turut didefinisikan sebagai suatu bentuk “*Alternative Dispute Resolution*” atau “*Appropriate Dispute Resolution*” yang bertujuan membantu dua atau lebih pihak yang bertelagah mencapai persetujuan.

Kemahiran mediasi dalam kalangan kepimpinan Rukun Tetangga berupaya menyelesaikan konflik komuniti dengan cara harmoni dan sekaligus memupuk dan membina masyarakat yang lebih harmoni dan sekaligus memperbaiki perhubungan atau interaksi di antara ahli komuniti. Sehingga kini terdapat seramai 451 Mediator Komuniti di seluruh negara menuaikkan tanggungjawab sosial dengan memberi khidmat mediasi kepada ahli masyarakat.



STRATEGI 4 MENINGKATKAN KEMAHIRAN KHIDMAT MEDIASI				
Bil	Program	Kumpulan Sasar	Cadangan Rakan Kerjasama	Tempoh Masa
PROGRAM ASAS				
1	Program Sidang Mediator Komuniti	Mediator & Komuniti	BHEUU IPT	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2021)
PROGRAM PILIHAN				
2	Mediator Perkasa	Mediator	BHEUU IPT	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2021)
3	Ada Masalah? Jom Mediate!	Komuniti	BHEUU IPT	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2021)
4	Mediator Bersama RT	Mediator & Komuniti	BHEUU IPT	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2021)
5	Pangkalan data i-Mediator	Mediator	BHEUU IPT	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2021)

PENJELASAN PROGRAM

Program di bawah strategi ini diklusterkan kepada program asas dan program pilihan

1. Program Sidang Mediator Komuniti

Persidangan mediator bagi membincangkan isu, cabaran, kaedah penyelesaian dan penambahbaikan kemahiran mediasi agar boleh memberi perkhidmatan yang efisien.

2. Mediator Perkasa

Satu kursus memperkasakan mediator komuniti dari segi kemahiran mediasi dan ilmu pengetahuan kemasyarakatan melalui kolaborasi dengan Institusi Pendidikan dan industri.

3. Ada Masalah? Jom Mediate

Satu program memperkenal dan mempromosikan perkhidmatan mediator komuniti melalui hebahan media sosial dalam menyelesaikan masalah masyarakat.

4. Mediator Bersama RT

Program perkongsian kemahiran mediasi kepada AJKRT oleh Mediator Komuniti melalui perbincangan meja bulat dan sesi dialog bagi membolehkan mereka memainkan sebagai pengantara masyarakat.



5. Pangkalan data i-Mediator

Mewujudkan satu pangkalan data atas talian bagi penyimpanan profil dan kes-kes mediasi yang dikendalikan oleh mediator komuniti sebagai sumber rujukan.





5

TERAS

**MEMPERKASAKAN
KELOMPOK KOMUNITI**

TERAS 5

MEMPERKASAKAN KELOMPOK KOMUNITI

STRATEGI 1

Memperluaskan penubuhan kelompok komuniti dalam kawasan kejiranan

STRATEGI 2

Menambahbaik program dan aktiviti kelompok komuniti

TERAS**5**

MEMPERKASAKAN KELOMPOK KOMUNITI

Teras kelima dalam pelan pemerksaan ini mengandungi dua strategi iaitu memperluaskan penubuhan kelompok komuniti dalam kawasan kejiranan dan menambah baik program dan aktiviti kelompok komuniti.

Kelompok komuniti diperkenalkan sebagai langkah memperkasakan Rukun Tetangga dengan penglibatan penduduk setempat mengikut peringkat umur. Terdapat empat (4) kelompok komuniti yang menjadi jentera Rukun Tetangga iaitu Jiran Wanita, Jiran Warga Emas, Jiran Muda dan Tunas Jiran. Pemerksaan kelompok komuniti adalah selaras dengan matlamat untuk membangunkan Kawasan Rukun Tetangga lestari.

STRATEGI 1

Memperluaskan Penubuhan Kelompok Komuniti Dalam Kawasan Kejiranan

Penubuhan kelompok komuniti akan memperkuuh dan mengaktifkan lagi peranan Kawasan Rukun Tetangga sebagai jentera perpaduan. Pembangunan profil kelompok komuniti dapat membantu menyalurkan maklumat mengenai keperluan komuniti dan sumber yang ada dalam komuniti. Profil komuniti yang lengkap boleh digunakan oleh pelbagai agensi bagi memenuhi keperluan komuniti.



TERAS 5

MEMPERKASAKAN KELOMPOK KOMUNITI

STRATEGI 1

MEMPERLUASKAN PENUBUHAN KELOMPOK KOMUNITI DALAM KAWASAN KEJIRANAN

Bill	Program	Kumpulan Sasar	Cadangan Rakan Kerjasama	Tempoh Masa
PROGRAM PILIHAN				
1	Ikon/Influencer Komuniti	Komuniti	Persatuan Penduduk NGO	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2022)
2	Mewujudkan Pasukan Kelompok Komuniti Peringkat Daerah/Bahagian/Zon	Komuniti	Persatuan Penduduk	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2022)

PENJELASAN PROGRAM

1. Ikon / Influencer mengikut Kelompok Komuniti

Ikon / Influencer mengikut kelompok komuniti bertujuan mempromosikan jentera dan kelompok komuniti kepada semua komuniti dalam kawasan kejiranannya. Program ini dijalankan sepanjang tahun. Kaedah melaksanakan program ini dengan melantik ikon yang memenuhi kriteria yang ditetapkan mengikut kelompok komuniti. Tempoh pelantikan ikon adalah selama 2 tahun.

2. Mewujudkan Pasukan Kelompok Komuniti Peringkat Daerah/Bahagian/Zon

Pasukan kelompok komuniti peringkat daerah/bahagian/zon diwujudkan sebagai medium perkongsian dan perbincangan dalam kalangan ketua-ketua kelompok komuniti dalam daerah/bahagian/zon.

STRATEGI 2

Menambahbaik Program dan Aktiviti Kelompok Komuniti

Komuniti Jiran Wanita, Jiran Muda, Jiran Warga Emas dan Tunas Jiran dalam Rukun Tetangga merupakan kelompok penting yang mendokong aspirasi Rukun Tetangga dalam komuniti. Pemerkasaan program dibuat untuk memastikan ia memberi impak yang baik kepada seluruh komuniti.



STRATEGI 2

MENAMBAHBAIK PROGRAM DAN AKTIVITI KELOMPOK KOMUNITI

Bil	Program	Kumpulan Sasar	Cadangan Rakan Kerjasama	Tempoh Masa
PROGRAM PILIHAN				
Kelompok Komuniti				
1	Pembangunan Modul Program setiap kelompok	Komuniti	JBS IPT MBM	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2022)
2	Pembangunan Sudut Ilmu (<i>Mini Library</i>)	Komuniti	JBS IPT MBM	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2021)
3	Program Rakan Alam Sekitar	Komuniti	JBS KASA IPT PBT	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2021)
4	Kursus Kepimpinan Kelompok Komuniti	Komuniti	JBS INTAN IPT MBM	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2022)
5	Konvensyen Kelompok Komuniti Peringkat Kebangsaan	Komuniti	KBS MBM IPT	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2022)
6	Program Pengkomersilan Produk Komuniti Bersama Industri	Komuniti	KRAFTANGAN SME Corp MARA	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2022)
7	Program Kerohanian	Komuniti	IPT NGO	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2021)
Tunas Jiran				
8	Program Cendekiawan Cilik (CELIK)	Kanak-kanak	JPN IPT NGO	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2022)
Golongan Muda				
13 – 19 TAHUN				
9	Debat Remaja	Golongan muda	JPN IPT NGO	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2022)
10	Program Akademi Pemimpin Muda	Golongan muda	INTAN IPT NGO	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2023)
11	Karnival Usahawanan Muda	Komuniti	KRAFTANGAN SME Corp MARA	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2022)

TERAS 5

12	Bengkel Latihan Kemahiran (TVET)	Golongan muda	KSM JPN IPT	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2022)
13	Program Tuisyen Percuma	Golongan muda	IPT NGO	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2021)
14	Program Detik-detik Perpaduan	Golongan muda	JKKN MOTAC	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2021)
15	Bengkel STEAM	Golongan muda	KRAFTANGAN SME Corp MARA	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2022)
20 – 25 TAHUN				
16	Pengurusan Kewangan	Golongan muda	INTAN KRAFTANGAN SME Corp MARA	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2022)
17	Program Usahawan Muda (<i>MyPreneur</i>)	Golongan muda	KRAFTANGAN SME Corp MARA	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2022)
18	<i>Car Boot Sale / Free Market Programme</i>	Golongan muda	PBT	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2021)
19	Program Jejak Kerjaya	Golongan muda	KSM Job Street	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2022)
20	Projek Inovasi Jiran Muda	Golongan muda	YIM JBS	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2022)
21	<i>Internet of Thing (IoT)</i>	Golongan muda	MCMC IPT	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2022)
Jiran Wanita				
22	Projek Inovasi Jiran Wanita	Golongan wanita	KPWKM YIM	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2022)
23	Program Keusahawanan Jiran Wanita	Golongan wanita	KRAFTANGAN SMEcorp MARA	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2021)
24	Program Mesra Jiran	Golongan wanita	Persatuan penduduk	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2021)
25	Kebun Komuniti	Komuniti	MOA IPT	Jangka pendek dan berterusan (mulai 2021)
Jiran Warga Emas				
26	Duta Jom Sihat	Golongan warga emas	KKM IPT	Jangka Panjang

PENJELASAN PROGRAM

1. Pembangunan Modul Program Setiap Kelompok

Pembangunan Modul Program setiap kelompok bertujuan sebagai penyediaan garis panduan kepada kepimpinan setiap kelompok dalam mengendalikan pengurusan sumber manusia, merancang dan menjalankan program, kepimpinan berkesan dan sebagainya. Kumpulan sasaran program ini adalah ketua setiap kelompok komuniti. Ibu pejabat bertindak sebagai pelaksana yang membangunkan modul ini dengan melibatkan pakar-pakar dalam bidang kepimpinan.

2. Pembangunan Sudut Ilmu (*Mini Library*)

Pembangunan Sudut Ilmu sebagai inisiatif dalam menyediakan ruangan akses bahan ilmiah seperti buku akademik, bahan-bahan bacaan formal atau tidak formal, ruang diskusi dan sebagainya. Pembangunan sudut ilmu ini mensasarkan komuniti sebagai pengguna. KRT diberi tanggungjawab untuk mencari lokasi dan fasiliti yang bersesuaian untuk menyediakan ruangan ini melalui dana sediada atau mencari sumbangan daripada individu/agensi/industri.

3. Program Rakan Alam Sekitar

Program Rakan Alam Sekitar bertujuan memberi pendidikan dan kesedaran kepada semua kelompok komuniti berkaitan penjagaan alam sekitar, menanam rasa tanggungjawab menjaga alam sekitar dan sebagai saluran untuk menyampaikan aduan/laporan kerosakan atau aktiviti-aktiviti yang menjelaskan alam sekitar. Program ini mensasarkan kepada semua kelompok komuniti untuk terlibat secara aktif di bawah kendalian KRT. Aktiviti-aktiviti yang boleh dijalankan adalah seperti hari kitar semula, 1 Warga 1 Pokok, aktiviti *plogging* dan sebagainya.

4. Kursus Kepimpinan Kelompok Komuniti

Program Kepimpinan Kelompok Komuniti bertujuan untuk memberi pendedahan kepada kemahiran kepimpinan kepada semua ketua kelompok komuniti. Program ini menyasarkan ketua kelompok sebagai peserta yang dikendalikan oleh Pegawai Daerah. Antara pengisian program kepimpinan kelompok komuniti adalah seperti persiapan diri dan kerohanian, pengurusan organisasi, kemahiran komunikasi dan sebagainya. Program dijalankan secara kursus pendek atau bersiri mengikut kesesuaian.

5. Konvensyen Kebangsaan Kelompok Komuniti Peringkat Kebangsaan

Konvensyen Kebangsaan kelompok Komuniti merupakan program yang diadakan bertujuan sebagai platform untuk mengumpulkan semua aktiviti/ best practice/ produk inovasi oleh komuniti. Konvensyen ini terbuka untuk semua kelompok komuniti

yang dikendalikan di peringkat ibu pejabat dengan melibatkan pihak agensi/industri/universiti untuk turut serta dalam konvensyen ini. Program boleh diadakan dalam tempoh 2-3 hari secara berpusat secara giliran mengikut negeri sebagai tuan rumah.

6. **Program Pengkomersilan Produk Komuniti Bersama Industri**

Program Pengkomersilan Produk Komuniti Bersama Industri bertujuan untuk penyediaan platform untuk mengkomersilkan hasil penyelidikan/produk/perkhimpunan/inovasi yang dihasilkan oleh komuniti kepada industri yang berminat. Program ini terbuka kepada komuniti yang berminat dan dikendalikan di peringkat negeri dengan menjemput industri-industri yang bersesuaian.

7. **Program Kerohanian**

Program kerohanian adalah sebagai inisiatif dalam menyemarakkan aktiviti-aktiviti keagamaan mengikut kepelbagaian agama yang ada. Program ini mensasarkan semua lapisan komuniti yang dikendalikan diperingkat KRT secara berkala atau mengikut keperluan.

8. **Program Cendikiawan CILIK (CELIK)**

Program Cendikiawan CILIK bertujuan untuk menyediakan platform dalam menjalakan aktiviti-aktiviti yang memfokuskan kepada kelompok Tunas Jiran. Objektif program adalah bermain sambil belajar dengan pelbagai aktiviti menarik boleh disediakan diperingkat KRT. Antara program yang boleh dijalankan adalah seperti lawatan, sukan, program STEAM dan sebagainya.

9. **Debat Remaja**

Program Debat Remaja bertujuan untuk mencungkil dan melatih bakat-bakat di kelompok Jiran Muda. Program dikendalikan di peringkat KRT dengan mengaktiviti beberapa siri program seperti pertandingan debat, kem debat dan sebagainya. Ia bertujuan untuk melatih anak muda yang berkaliber sebagai pemimpin.

10. **Program Akademi Pemimpin Muda**

Program ini dibangunkan sebagai mekanisme untuk memperkasa pelapis muda dalam kalangan Jiran Muda. Pelaksanaan program adalah berbentuk mentor-mentee yang mana AJK KRT sedia ada yang berpengalaman berkongsi ilmu pengetahuan dan pengalaman berkaitan pengurusan organisasi RT serta membimbing pelapis muda ini dalam pengendalian aktiviti kemasyarakatan. Kaedah pelaksanaan adalah melalui gandingan bersama antara AJK RT berpengalaman dengan jiran muda yang baharu.

11. Karnival Usahawan Muda

Program ini dibangunkan untuk memberi peluang kepada golongan muda mengendalikan program secara keseluruhan melalui penglibatan sebagai jawatankuasa utama dengan bimbingan minimum dari Pegawai dan AJK RT. Pada masa yang sama, program ini mampu mengetengahkan projek-projek usahawan di kalangan pelapis muda dalam komuniti setempat dan memperkasakan kelompok Jiran Muda. Pelaksanaan program ini boleh diadakan di peringkat daerah atau negeri dengan kerjasama strategik rakan agensi-agensi mengikut kesesuaian.

12. Bengkel Latihan Kemahiran (TVET)

Program ini dilaksanakan untuk memberi pendedahan dan berkongsi maklumat kepada kelompok jiran muda yang berminat dengan bidang kemahiran khususnya mereka yang lepasan SPM disamping membimbing halatuju kerjaya mereka di masa hadapan. Pelaksanaan ini adalah melalui kolaborasi strategik antara Jabatan bersama institusi latihan kemahiran negara seperti Giat Mara, SKM, Kolej Komuniti dan dianjurkan di peringkat Negeri.

13. Program Tuisyen Percuma

Program ini dilaksanakan sebagai inisiatif untuk membantu anak-anak jiran muda dalam kalangan keluarga B-40 serta calon-calon peperiksaan utama (UPSR, PT3 & SPM, STPM). Pelaksanaan ini adalah secara kolaborasi strategik antara KRT bersama ahli-ahli Sekretariat Rukun Negara (SRN) yang berdekatan dengan kawasan Rukun Tetangga. Program ini turut menjadi sebahagian program khidmat bakti SRN kepada komuniti setempat.

14. Program Detik-Detik Perpaduan

Program Detik-Detik Perpaduan diilhamkan bertujuan meraikan kepelbagaiannya budaya dan adat resam dalam komuniti setempat. Kelompok jiran muda diberi tanggungjawab mengendalikan pelaksanaan program ini dalam usaha untuk memperkasakan kepimpinan pelapis muda dalam kawasan Rukun Tetangga.

15. Bengkel STEAM

Bengkel STEAM merupakan sebuah program untuk memberi pendedahan ilmu dan kemahiran berkaitan dengan bidang sains, teknologi, kejuruteraan, seni dan matematik kepada kelompok jiran muda yang merupakan pelapis kepimpinan muda dalam kawasan kejiranan. Pelaksanaan program ini bersesuaian diadakan di peringkat daerah atau negeri dengan melibatkan kerjasama strategik dengan agensi yang bersesuaian.

16. Pengurusan Kewangan

Kursus/Seminar Pengurusan Kewangan Peribadi dan Keluarga boleh dilaksanakan untuk memberi kesedaran tentang kepentingan pengurusan wang dalam kehidupan seharian dan kemahiran mengurus wang dengan bijaksana. Antara agensi yang boleh dilibatkan dalam kursus ini seperti Bank Negara, Agensi Kaunseling Pengurusan Kewangan (AKPK) atau Surhanjaya Sekuriti. Topik-topik yang boleh dimasukkan seperti, pengurusan kewangan, pengurusan kredit dan hutang, pelaburan bijak dan lain-lain. Kursus/seminar boleh diseliakan di peringkat Daerah.

17. Program Usahawan Muda (*MyPreneur*)

Program Usahawan Muda (*MyPreneur*) adalah satu program latihan pembangunan usahawan muda supaya dapat melahirkan lebih ramai usahawan muda dalam KRT. Ia juga bertujuan untuk memperkasakan usahawan mikro supaya lebih bersaing dalam menghadapi norma baharu. Bantuan pembiayaan dan bimbingan perniagaan agensi kerajaan, serta bantuan akses dalam melaksanakan ekonomi digital selain peluang latihan serta tawran dalam bidang keusahawanan daripada agensi kerajaan yang lain. Program akan diseliakan di peringkat Daerah.

18. Car Boot Sale / Free Market Programme

Program Car Boot Sale atau *Free Market* diadakan bertujuan untuk mewujudkan kepada kejiranan dalam KRT satu platform untuk komuniti menyumbang dalam bentuk barang atau perkhidmatan kepada mereka yang memerlukan. Jualan juga boleh diadakan untuk membantu menjana pendapatan kepada Jiran Muda/Jiran Wanita. Pelaksanaan program adalah diperingkat KRT itu sendiri.

19. Program Jejak Kerjaya

Meet and Greet Industry bertujuan untuk menyediakan platform mencari pekerjaan. PPD akan menjadi perantara antara pemain industri dalam Daerah/Bahagian dengan komuniti KRT. Peluang pekerjaan yang dikumpulkan oleh PPD melalui industri akan dihebahkan kepada komuniti KRT.

20. Projek Inovasi Jiran Muda

Program ini diadakan bertujuan untuk membangunkan potensi Jiran Muda melalui budaya kreatif dan inovatif terhadap isu dan ruang penambahbaikan dalam KRT selain mengukuhkan lagi perpaduan dalam kalangan warga KRT bermula daripada Jiran Muda. Ia juga bertujuan untuk menjana idea dalam kalangan Jiran Muda dalam penganjuran aktiviti yang dapat memberi manfaat kepada golongan belia/muda. Pelaksanaan program adalah diperingkat KRT.

21. *Internet of Thing (IoT)*

Program ini diadakan bertujuan untuk memberi kemahiran kepada Jiran Muda berhubung perisian/teknologi/*internet of thing* seperti multimedia, mobile apps, programming, video, visual, animasi dan lain-lain. Pelaksanaan program adalah diperingkat KRT.

22. Projek Inovasi Jiran Wanita

Projek Inovasi Jiran Wanita diadakan bertujuan untuk membangunkan potensi Jiran Wanita melalui budaya kreatif dan inovatif terutama dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti Jiran Wanita. Pelaksanaan program adalah diperingkat KRT itu sendiri.

23. Program Keusahawanan Jiran Wanita

Program J-Nita diadakan untuk memberi peluang Jiran Wanita untuk menjalankan peluang perniagaan dan measarkan produk KRT yang diusahakan sendiri oleh Jiran Wanita. Produk ekonomi KRT khusus daripada Jiran Wanita dapat dipasarkan melalui program ini dan usaha ini dapat memperkasakan KRT/Jiran Wanita selain meningkatkan taraf ekonomi warga KRT dan mengukuhkan perpaduan dalam kalangan komuniti.

24. Program Mesra Jiran

Program ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan AJKRT dengan komuniti serta membantu pihak yang memerlukan seperti bantuan keperluan makanan, kesihatan dan sebagainya. Program ini akan dilaksanakan sepanjang tahun.

25. Kebun Komuniti


Kebun Komuniti merupakan aktiviti pertanian yang dijalankan di kawasan penempatan oleh komuniti. Ia menggalakkan pengeluaran makanan tempatan yang dapat menjamin kesegaran makanan, menghasilkan pelbagai jenis tanaman, menyokong pembangunan ekonomi tempatan dan menggalakkan pertanian yang berasaskan komuniti. Program ini akan dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan (MAFI) dan sebagainya.

26. Duta Jom Sihat

Duta Jom Sihat bertujuan mempromosikan Jiran Warga Emas kepada komuniti dalam kawasan kejiranan. Program ini dijalankan sepanjang tahun. Kaedah melaksanakan program ini dengan melantik duta yang memenuhi kriteria yang ditetapkan. Tempoh pelantikan duta adalah selama 2 tahun.

PENUTUP

Pelan Pemerksaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030 dapat memastikan Rukun Tetangga sebagai organisasi sukarela akan sentiasa kekal relevan di peringkat komuniti sebagai jentera perpaduan seiring dengan kehendak semasa. Usaha pemerksaan ini juga akan dapat mempertingkatkan rasa tanggungjawab komuniti dalam menjaga keselamatan dan keharmonian masyarakat setempat. Kementerian Perpaduan Negara akan memastikan pelan pemerksaan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.



LAGU RUKUN TETANGGA

“Komuniti Sejahtera Bersama”

Bersatu semua menjaga perpaduan negara kita,
Malaysia
Saling membantu bekerjasama perkasakan komuniti,
negara

Itulah semangat, kejiranan mulia bersama
sepakat kita, berjaya

Kita berbilang bangsa hormat menghormati
Raikan kepelbagaian sesama kita

Korus

Ayuh semua, mari kita jayakan.. oooo
Rukun Tetangga, tingkatkan perpaduan.. oooo
Sejahtera bersama, demi Malaysia

Ayuh semua, mari kita jayakan oooo...
Rukun Tetangga, tingkatkan perpaduan oooo...
Sejahtera bersama, demi Malaysia

(Lagu baru tahun 2021)





RUKUN TETANGGA



TONGGAK PERPADUAN KOMUNITI

GLOSARI

AADK	- Agensi Anti Dadah Kebangsaan
BHEUU	- Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang
FAMA	- Federal Agricultural Marketing Authority
INTAN	- Institut Tadbiran Awam Negara
IPT	- Institusi Pengajian Tinggi
ISM	- Institut Sosial Malaysia
JBS	- Jabatan Belia Sukan
JKKN	- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
JKM	- Jabatan Kebajikan Masyarakat
JPN	- Jabatan Pendidikan Negeri
JPNIN	- Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional
KKM	- Kementerian Kesihatan Malaysia
KPKT	- Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
KPT	- Kementerian Pengajian Tinggi
KPWKM	- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat
KRAFTANGAN	- Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia
KRT	- Kawasan Rukun Tetangga
LPPKN	- Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara
MARA	- Majlis Amanah Rakyat - MARA
MARDI	- Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia
MAS	- Malaysian Airline
MBM	- Majlis Belia Malaysia
MCPF	- Malaysia Crime Prevention Foundation
MDEC	- Malaysia Digital Economy Corporation
MEDAC	- Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia
MIGHT	- Malaysian Industry-Government Group for High Technology
MKN	- Majlis Keselamatan Negara
MOTAC	- Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia
MPC	- Malaysia Productivity Corporation
NGO	- Non-Governmental Organization
PBT	- Pihak Berkuasa Tempatan
PDRM	- Polis Diraja Malaysia
PIBG	- Persatuan Ibu Bapa Dan Guru
RT	- Rukun Tetangga
SRS	- Skim Rondaan Sukarela
SWCorp	- Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam



perpaduannegara



PerpaduanNegara



@PerpaduanNegara



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Aras 5 -10, Blok F9, Kompleks F,
Lebuh Perdana Timur, Presint 1,
62000 Wilayah Persekutuan Putrajaya

Tel: +603-8091 8000

Emel: pro@perpaduan.gov.my